



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3741]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 3777]

Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua [Ruangan 3778]

Anggaran Pembangunan Sementara, 1974 [Ruangan 3806]

Penyata Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat (Bil. DR. 4 Tahun 1973) [Ruangan 3807]

Akta Cukai Pendapatan, 1967—

“World Wildlife Fund, Malaysia” [Ruangan 3814]

“Sabah Family Planning Association” [Ruangan 3815]

KANDUNGANNYA—(sambungan)

USUL-USUL—(samb.)

Akta Kastam, 1967—

- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1973 [Ruangan 3817]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1973 [Ruangan 3818]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1973 [Ruangan 3819]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1973 [Ruangan 3820]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1973 [Ruangan 3821]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1973 [Ruangan 3822]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20), 1973 [Ruangan 3823]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21), 1973 [Ruangan 3824]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6), 1973 [Ruangan 3825]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7), 1973 [Ruangan 3826]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1973 [Ruangan 3827]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9), 1973 [Ruangan 3828]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 10), 1973 [Ruangan 3829]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 11), 1973 [Ruangan 3829]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 12), 1973 [Ruangan 3830]**
- Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3831]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Selasa, 4hb Disember, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P. Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTAHN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).

- Yang Berhormat TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIH HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

- Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Penerangan, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaluddin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PENJUAL-PENJUAL BUKU

1. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa penjual-penjual buku menjual buku-buku dari Britain dan Amerika (paperbacks) tidak mematuhi kadar pertukaran yang sekarang dan dengan itu mendapat keuntungan yang terlampau banyak;
- (ii) apakah tindakan Kerajaan bercadang hendak ambil untuk memastikan bahawa penjual-penjual buku ini tidak mengeksploit orang ramai dengan cara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa masih terdapat beberapa penjual buku yang menjual buku yang diimpot dengan harga yang tidak menurut kadar pertukaran pada masa ini. Perkara ini terutamanya terdapat di mana penjual buku mengendalikan sebilangan kecil buku-buku yang khusus yang biasanya diimpot pada masa-masa tertentu dan permintaannya terbatas.

Soal ini telah dibawa ke pengetahuan Kementerian saya dan telah dibincangkan oleh Panel A Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna baru-baru ini. Hasil daripada ini, satu mesyuarat akan diadakan di antara Kementerian saya dengan pengimpot-pengimpot, pembahagi-pembahagi dan penjual-penjual buku, Persatuan Penerbit Buku-buku, Persatuan Penjual Buku-buku, pihak Perbendaharaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bank Negara dan Kementerian Pelajaran. Tujuan mesyuarat ini ialah untuk mempastikan harga yang sepatutnya berasaskan kadar pertukaran kepada ringgit Malaysia daripada harga asal, termasuklah apa-apa juga harga tambahan berkaitan dengan bayaran pengangkutan dan lain-lain kos.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri

yang berkenaan menyatakan ada satu perjumpaan di antara semua pihak, tetapi saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan bilakah pengimpot-pengimpot dan penjual-penjual buku boleh menjual buku-bukunya dengan harga yang berpatutan, bukan dengan harga yang terlampau tinggi dan oleh sebab itu timbullah inflasi di tanah-air kita.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar kalau Ahli Yang Berhormat itu mengatakan bahawa mesyuarat telah diadakan. Mesyuarat akan diadakan dan pihak Kementerian sedang berpakat dengan semua mereka yang berkenaan untuk membincangkan soal ini dengan sehalus-halusnya. Pada pendapat Kementerian ini pengimpot-pengimpot dan penjual-penjual buku sekalian nampaknya memang berkehendakkan satu penyelesaian dicapai secepat mungkin.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Harga *Newsweek* dan *Times Magazine* dan sebagainya telahpun naik daripada \$1.50 ke \$1.80. Adakah Kementerian beliau membenarkan kenaikan harga ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf tidak tahu harga *Newsweek* dan *Times Magazine* pada masa dahulu dan tidak tahu harga *Newsweek* dan *Times Magazine* pada masa sekarang. Jadi soal ini terlampau tepat, saya tidak dapat menjawab.

PELUANG PEKERJAAN

2. **Tuan Richard Ho Ung Hun** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian iaitu hasil daripada mesyuarat antara Kementerian ini dan kaum pengusaha yang tertentu atas soal menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada 1,700 orang yang telah mendapat latihan di Institiut Latihan Malaysia atau lain-lain institiut latihan Kerajaan, nyatakan angka-angka mereka yang telah mendapat pekerjaan dengan industri-industri mengikut bangsa.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, kesemua 1,700 orang yang telah mendapat latihan di Institiut Latihan Kerajaan yang telah dikemukakan kepada Kementerian saya untuk mendapatkan pekerjaan-pekerjaan dari pihak swasta adalah terdiri dari Bumiputra.

Daripada jumlah ini, hanya 1,472 orang sahaja yang mempunyai alamat penuh untuk Kementerian saya menghubungi mereka.

Hasil daripada perbincangan yang diadakan di antara Kementerian ini dengan pihak swasta, daripada jumlah seramai 1,472 ini, 13.3% telahpun mendapat pekerjaan, manakala 31.6% lagi telah diberi jaminan bahawa mereka akan diambil bekerja tidak lama lagi. Selain dari ini, 32.3% tidak menjawab surat Kementerian ini yang bertujuan untuk menentukan samada mereka sudah bekerja ataupun tidak; 16.9% tidak menghadiri interbiu di industri-industri yang memanggil mereka; 1.8% masih lagi melanjutkan pelajaran mereka dan lebihkurang 0.5% menolak pekerjaan-pekerjaan yang ditawarkan kepada mereka oleh industri-industri. Ini bermakna bahawa hanya lebihkurang 3.6% lagi masih tidak mendapat apa-apa pekerjaan ataupun jaminan pekerjaan. Walaubagaimanapun, Kementerian saya terus mengambil tindakan untuk mencari pekerjaan yang sesuai di dalam industri-industri untuk mereka.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar mereka yang lulus di Institiut Latihan ini kurang diberi pekerjaan di bidang pengurusan dan penolong pengurusan, bahkan mereka hanya diletakkan di jawatan-jawatan yang lebih rendah daripada itu. Jika benar apakah usaha-usaha untuk mengatasi kejadian-kejadian yang tersebut?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya 1,700 orang yang disebutkan ini ialah meliputi mereka yang boleh dikatakan technician dan bukan di jurusan pengurusan. Jadi soalan ini tidak timbul.

KUMPULANWANG BALU DAN ANAK YATIM SABAH/SARAWAK

3. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Kewangan menyatakan bila pembayaran Kumpulanwang Balu dan Anak Yatim akan dibuat kepada pencharum-pencarum,

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua pada menjawab satu soalan dalam pekara yang sama dalam persidangan Parlimen yang lalu, maka telah diterangkan

bahawa di dalam langkah-langkah untuk menggulung kedua-dua Kumpulanwang Balu dan Anak Yatim bagi Negeri-negeri Sabah dan Sarawak beberapa masaalah rumit telah timbul, terutamanya mengenai perkara-perkara yang ada kaitan dengan pertimbangan-pertimbangan aktuari. Masaalah-masaalah ini sekarang telah dikaji dan prinsip-prinsip yang patut dijadikan asas bagi menggulung Kumpulanwang tersebut adalah sedang diselesaikan secara rundingan dengan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Segala usaha akan diambil jika boleh untuk membentangkan pindaan-pindaan yang perlu kepada undang-undang iitu di dalam persidangan Parlimen kali ini.

PENGELUARAN MINYAK (OIL FIELD)

4. Tuan Peter Paul Dason (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada, memandangkan krisis kuasa tenaga sedunia, beliau akan mengesyorkan dengan sekuat-kuatnya kepada Kerajaan untuk menjadikan semua kawasan pengeluaran minyak (oil field) di darat dan di laut di negeri kita di hak-milik negarakan.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, energy krisis di dunia ini memang boleh membimbangkan pada masa ini, tetapi Malaysia kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain, tidaklah menghadapi masaalah-masaalah rumit, Negara kita sekarang ini sedang mengeluarkan hampir 100,000 tong minyak sehari dan lebih banyak lagi dalam masa hadapan apakala telaga-telaga minyak yang sedang di buat sekarang ini mulai mengeluarkan minyak. Di bawah perjanjian baru yang kita sedang usahakan dengan syarikat minyak, hak milik atas minyak terdapat dalam wilayah Malaysia ini akan diletak ke dalam tangan Kerajaan kita, kecuali sebahagian minyak yang mengikut perjanjian berkongsi pengeluaran akan diserahkan kepada syarikat berkenaan.

Pada dasarnya, semua syarikat-syarikat minyak telah bersetuju beralih kepada sistem kongsi pengeluaran ini. Sebenarnya empat dari tujuh syarikat-syarikat telah pun menandatangani untuk beralih kepada perjanjian mengandungi sistem baharu ini. Saya akan meminta Dewan Yang Mulia ini meluluskan Rang Undang-undang yang akan menukarkan sistem concession yang sedang diguna sekarang kepada sistem berkongsi pengeluaran pada mesyuarat ini. Sistem

berkongsi pengeluaran ini akan memberi kembali hak milik hasil bumi kita kepada negara kita dan akan membahagi minyak mengikut perjanjian yang tertentu. Di bawah sistem ini Syarikat-syarikat minyak hanya mendapat taraf sebagai contractor yang akan mengusahakan pengeluaran minyak dan tidak berhak memilik telaga minyak seperti pada masa ini.

Oleh sebab kebaikan sistem baru ini, maka tidaklah ada sebabnya kita menjadikan semua perusahaan minyak dalam Malaysia ini hak milik negara—"There is no necessity to nationalize our petroleum industry".

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Soalan saya, adalah berkenaan dengan krisis kuasa tenaga sedunia. Saya hendak bertanya soalan tambahan, dan saya harap Menteri tidak berkata soalan saya soalan lain, sebab soalan saya adalah berkenaan dengan masalah minyak di negeri kita sekarang. Saya hendak bertanya bahawa tidak berapa lama dahulu Malaysia ialah sebuah negeri, one of the ten countries in the world yang boleh terima minyak dari Saudi Arabia atau negeri-negeri Arab yang lain. Saya hendak tahu iaitu negeri Arab ada berkata: syarikat Amerika dan syarikat Holland tidak boleh mendapat minyak. Minyak Malaysia adalah dibawa oleh kapal Amerika dan kapal Holland bagaimana kita akan terima minyak ini jikalau Arab tidak memberi syarikat Amerika dan syarikat Holland mengambil minyak?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Sungguhpun soalan ini tidak berkaitan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada berkaitan tidak payah dijawab.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Baiklah.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan oleh sebab negeri-negeri di Asia Barat telah menaikkan harga minyak, adakah minyak yang keluar daripada tanahair kita yang dijual kepada sesiapa pun harganya akan dinaikkan?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Ya.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, susah sangat hendak bertanya soalan

tambahan disini. Ada satu pantun dalam bahasa Cina. Pantun itu berbunyi seperti soalan tambahan:

Sangat payah bukan main,

Selalu tanya soalan lain,

Apa sebabnya soalan lain? (*Ketawa*)

Ada soalan tambahan lagi berkaitan dengan minyak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu tadi tidak dijawab lagi.

Tuan Ng Hoe Hun: Tidak apa, soalan lain lagi. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak dijawab tidak payah ditanya soalan lain.

Tuan Ng Hoe Hun: Ada lagi soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak dijawab soalan yang pertama; tidak payah ditanya soalan lain.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya tidak mengerti, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah bertanya soalan lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh!

Tuan Ng Hoe Hun: Sekarang saya mengerti (*Ketawa*).

PEMODAL-PEMODAL MENYELEWENG DASAR KERAJAAN

5. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa pemodal-pemodal tempatan telah menyeleweng dari dasar Kerajaan lebih keterlaluan dari pemodal-pemodal asing hingga mengakibatkan pengambilan pekerja-pekerja berdasarkan semata-mata kepada asas perkauman, dan jika ya, nyatakan:

(a) langkah-langkah yang telah dan akan diambil ke atas pemodal-pemodal tempatan bagi menentukan yang perkara ini tidak berlanjutan; dan

(b) tindakan-tindakan yang akan diambil ke atas pemodal-pemodal asing supaya mereka tidak terus menyeleweng dari dasar Kerajaan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang pesat telahpun dibuat dan masih dibuat oleh Kementerian saya untuk menggalakkan kaum pekerja yang seimbang mengikut bangsa di semua tempat-tempat pekerjaan mengikut dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Sambutan kepada usaha-usaha ini adalah memuaskan di tempat-tempat pekerjaan yang besar oleh sebab majikan-majikan yang bertanggungjawab sedar bahawa adalah untuk kepentingan semua di negeri ini untuk mengadakan kaum pekerja yang berbilang bangsa. Walau bagaimanapun, masih terdapat setengah-setengah majikan dengan berbagai sebab yang belum membuat demikian dan Kementerian saya akan terus membantu untuk mengatasi sebarang masaalah yang masih ada untuk mencapai objective yang dikehendaki.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Setiausaha Parlimen yang bertanggungjawab telah menyatakan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan bekerja untuk mengadakan pekerja-pekerja yang seimbang. Soalan saya di sini jika sekiranya Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat tidak juga dapat membuat demikian, adakah cadangan Kerajaan, baik Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ataupun Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jikalau mereka ini degil—kalau misalnya berhubung dengan lesen-lesennya disekat sementara supaya mereka tidak boleh berniaga selagi dia tidak mengikut syarat-syarat yang diberi kepada mereka; maka lesennya disekat buat sementara samada sebulan, dua bulan, tiga bulan. Jikalau tidak buat begitu, maka mereka ini tidak akan menjalankan tugasnya. Adakah tindakan yang begini akan dijalankan jikalau mereka ini degil sangat?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa menasihati pihak-pihak yang tertentu bagi mengatasi masaalah ini dan boleh dikatakan 100% majikan-majikan yang hendak menurut kehendak-kehendak Kerajaan dan berkenaan bolehkah kita mengadakan sekatan-sekatan sebagaimana yang dikatakan tadi, rasa saya tidak payah kita adakan sekatan sebab sahabat saya Yang Berhormat

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telahpun menjawab iaitu 1,700 orang kita telah dapatkan pekerjaan-pekerjaan di tempat-tempat yang dikehendaki itu.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Buruh pernah pergi ke dua buah kilang swasta yang besar di negeri Perak? Satu daripadanya Kanton Cement, yang keduanya Fraser & Neave. Saya telah melawat, daripada beribu orang pekerja yang ada di situ, bumiputra hanya tukang isi simin ke dalam kampak dan jaga. Di dalam pentadbiran pejabatnya tidak ada seorang pun bumiputra dan beratus buah rumah yang dibina di situ tidak ada bumiputra yang dapat duduk, semuanya pegawai-pegawai yang besar, yang bukan bumiputra.

Yang kedua, Fraser & Neave, ramai pekerja buruh di sana, orang Melayu tukang pikul, bumiputra tukang pikul, masukkan botol orange itu ke dalam lori dan jaga, tetapi pegawai, kerani dan sebagainya tidak ada. Adakah Menteri pernah pergi melawat dan apakah tindakan diambil kepada mereka yang menyelewengkan dasar Kerajaan, cuma tinggal pada cakap ataupun pada dasar sahaja memperjuangkan nasib bumiputra?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu ahli pantun. Pantun saya begini:

Orang Aceh pergi ke Jeddah,

Pergi ke Jeddah berjalan kaki;

Soalan Ahli Yang Berhormat itu
bukannya susah,

Bagi menjawabnya Yang Berhormat
sendiri mestilah senang hati.

Dan soal yang saya sudah katakan dalam jawapan ini barangkali haruslah meliputi dan tak payah lagi saya hendak terangkan dua tiga kali kepada Ahli Yang Berhormat itu. Pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa pergi melawat, yang mana saya katakan tadi majikan-majikan telah ber-setuju untuk mengikut dasar Kerajaan, iaitu Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau setakat pergi melawat sahaja tidak memberi faedah kepada kaum buruh bumiputra, tetapi tindakan yang saya kehendaki. Melawat

sepuluh buah kilang, saya juga melawat, di Tasek sana, tetapi tidak memberi faedah sebab saya tidak ada kuasa. Kalau saya ada kuasa, tutup kilang itu.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawabnya, itu sedang diusahakan.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen yang berkenaan, apakah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit iaitu apakah tindakan Kementerian Buruh akan mengambil terhadap kilang-kilang yang mengambil bumiputra menjadi jaga atau buruh kasar sahaja, tetapi tidak mengambil bumiputra sebagai managerial class atau kerani? Diharap Setiausaha Parlimen boleh menjawabnya.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, kebanyakan majikan selalu menggaji pekerja-pekerja bumiputra dalam jawatan executive, adviser dan lain-lain lagi, tetapi bagi hendak mengatasi masalah ini memanglah bumiputra ini kekurangan untuk hendak mengambil mereka itu dalam jawatan-jawatan yang tinggi. Walau bagaimanapun Kerajaan selain daripada ITM dan Kementerian Buruh ada pula MARA, dan Universiti; latihan-latihan bagi mendapatkan mereka itu tempat-tempat pekerjaan yang lebih tinggi daripada kerja yang di bawah ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Barangkali Setiausaha Parlimen tidak tahu kesusahan buruh di dua buah syarikat di negeri Perak. Apabila masalah ini sudah dibawa ke Dewan Rakyat sekarang, saya hendak tahu samada Setiausaha Parlimen akan melawat ke tempat itu atau tidak?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Ahli Yang Berhormat itu tak baca akhbar. Saya selalu melawat tempat-tempat yang tersebut dan kemajuannya pun ada walaupun tidak penuh, tetapi ada.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya samada akan melawat atau tidak?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Akan melawat.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Bolehkah Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat memberitahu kepada Dewan ini bahawa kenyataan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit iaitu terdapat dua buah perusahaan di negeri Perak yang hanya mengambil pekerja bumiputra terhadap kepada kerja-kerja bawahan sahaja itu betul atau tidak?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, tidak betul.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Di sini di dalam soalan (a) ada menyatakan langkah-langkah yang telah diambil dan yang akan diambil ke atas pemodal-pemodal tempatan bagi menentukan yang perkara ini tidak berlanjutan lagi. Ini soalan (a) tadi. Saya hendak bertanya, apakah langkah-langkah yang sudah dan akan diambil? Jikalau sekiranya pemodal-pemodal asing ataupun pemodal-pemodal bumiputra tidak mengambil bumiputra bekerja apa langkah yang akan diambil? Jikalau cara berlembut tidak boleh, jikalau cara berkeras pun tidak boleh, apakah langkah yang akan diambil terhadap mereka ini? Biar tegas sedikit. Saya hendak bertanya apakah ketegasan Kerajaan pada hari ini, jikalau mengatakan akan diambil oleh Kementerian, bumiputra akan diambil; ini tidak tegas. Saya mahu ketegasan.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah jawab tadi bahawa langkah-langkah yang diambil ialah kita telah menasihati dan mereka itu bersetuju mengikut dasar Kerajaan, mengikut Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Jadi apa yang Ahli Yang Berhormat nyatakan itu tak payahlah. Dia berikan saya sebuku cake, tetapi ada kail dalam cake itu. Saya makan cake itu, diapun tarik—sangkut. Saya kata saya telah menasihati beberapa kali, termasuk Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat juga dan pegawai-pegawai dalam Kementerian

saya. Nasihat ini mereka itu ikuti, tetapi masaalah yang ada sekarang kalau kita bercakap dalam Dewan ini haruslah senang, tetapi kalau kita hendak melaksanakan itu tentulah susah. Dan saya sekali lagi tegaskan bahawa majikan-majikan bersetuju untuk mengikuti dasar Kerajaan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Saya hendak bertanya, adakah oleh kerana kedegilan itu disebabkan oleh sifat perkauman yang tebal yang diamalkan oleh pemodal-pemodal di dalam negeri ini?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Saya tidak puas hati, mengikut keterangan Setiausaha Parlimen, jawabnya "tidak", tempat yang saya katakan itu tidak benar. Jadi, seolah-olah saya membawa cerita tidak betul dalam Parlimen ini, malu saya. Yang sebenarnya beliau tidak melawat. Sekarang saya bertanya pula soalan tambahan kepada beliau:

Orang bercawat di Kampung Sena,

Sungai Besar Tanjung Cik Midah;

Bercakap besar tidak berguna,

Kerana tidak memberi faedah.

Apa faedahnya bercakap besar?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua,

Siakap Senohong,

Gelama ikan duri;

Selalu banyak bercakap bohong,

Lama-lama makan hati.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya pun ada pantun juga, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Majlis ini majlis pantun nampaknya! (*Ketawa*)

Tuan Ng Hoe Hun:

Jangan buka pintu,

Ayam makan padi;

Jangan buat begitu,

Kawan susah hati. (*Ketawa*).

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, apa soalan tambahannya?

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya tidak payah menjawab pantun itu.

BUKU-BUKU TEKS

6. Tuan Hor Cheok Foon (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada harga buku-buku teks akan turun 10% lagi tahun depan sebagaimana yang telah disetujukan tempoh hari di antara penerbit-penerbit buku teks dengan Kementerian; dan
- (b) samada Kementerian Pelajaran akan menimbang memulakan sistem pinjaman buku kebangsaan untuk meringankan murid-murid miskin dari beban buku-buku teks dengan membolehkan mereka meminjam buku-buku teks dengan bayaran yang jauh lebih rendah daripada bayaran sebenarnya tanpa membelanjakan wang yang banyak setiap tahun untuk membeli buku-buku baru.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua.

(a) Tidak.

Saya telah mengadakan beberapa pertemuan dengan pihak penerbit-penerbit membincangkan masaalah ini dan berpuas hati bahawa dengan kenaikan harga kertas dan lain-lain bahan percetakan, adalah tidak mungkin bagi penerbit-penerbit menurunkan harga buku-buku teks sebanyak 10% lagi seperti yang dijanjikan dahulu. Walau bagaimanapun potongan sebanyak 10% yang telah dibuat bagi tahun ini akan diteruskan.

(b) Kementerian Pelajaran sekarang sudahpun mempunyai sistem pinjaman buku-buku teks kepada murid-murid yang miskin dengan cara percuma.

Selain daripada Kementerian Pelajaran, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kebajikan Am dan Kerajaan-kerajaan Negeri ada juga memberikan pinjaman buku-buku teks kepada murid-murid miskin dengan cara percuma.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan bilakah Sistem Pinjaman Buku-buku Teks kepada murid-murid miskin telah dilaksanakan, oleh sebab dibeberapa buah sekolah yang saya telah menjadi Pengerusi

Lembaga Sekolah saya tidak sedar murid-muridnya boleh meminjam buku-buku teks daripada Sistem Pinjaman Buku-buku Teks ini.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, rancangan ini sudah lama dijalankan tetapi keutamaannya adalah diberikan kepada penuntut-penuntut di luar bandar.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Bolehkah Kementerian Pelajaran menerangkan di dalam Dewan ini bagaimanakah cara buku pinjaman itu disalurkan supaya dapat kepada murid-murid yang miskin di luar bandar?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, buku-buku itu diserahkan kepada Guru Besar di sekolah masing-masing dan Guru Besar itulah akan menentukan murid-murid yang patut menerimanya dan melalui Jabatan Perdana Menteri, melalui Pegawai Kemajuan Negeri yang akan memberi buku-buku itu selepas disokong atau dikaji oleh Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pegawai-pegawai Daerah di tiap-tiap daerah.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Buku pinjaman untuk anak-anak miskin yang saya tahu buku-buku percuma ini memang benar, tetapi sebagaimana Yang Berhormat Menteri telah menyatakan tadi banyak sangat nadinya dari satu peringkat ke satu peringkat untuk dimesyuaratkan bagi memberi pinjaman buku-buku kepada anak-anak miskin ini sampai bulan Mei atau Jun baharulah buku-buku itu dapat dibaca oleh anak-anak miskin ini. Bolehkah atau tidak pada tahun yang akan datang ini buku-buku tersebut biarlah sampai ke tangan murid-murid atau anak-anak miskin ini pada bulan Januari atau Februari?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, sistem ini memang akan diperbaiki dan diharap pada masa akan datang lebih cepat lagi kanak-kanak akan dapat buku-buku itu.

Tuan Hor Cheok Foon: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan samada beliau sedar bahawa satu pakatan atau reket iaitu penerbit-penerbit atau publisher buku-buku sekolah telah

bersubahat dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang menyebabkan selalunya penukaran buku-buku sekolah supaya mereka dapat mencari untung daripada murid-murid sekolah itu?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, ini saya tidak sedar.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Tadi Menteri yang berkenaan telah menyatakan rancangan ini telah diadakan di luar bandar. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan adakah beliau sedar ada beratus atau beribu murid-murid sekolah yang miskin di bandar. Oleh hal yang demikian, bilakah beliau mengadakan rancangan ini atau menyampaikan dalam rancangan ini kepada murid-murid miskin di bandar juga?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya murid-murid miskin dalam bandar boleh meminta pertolongan daripada Kementerian Kebajikan Am.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Bantuan daripada Kementerian Kebajikan Am itu saya sedar, tetapi adakah Menteri yang berkenaan sedar bantuan daripada Kementerian Kebajikan Am tidak mencukupi. Oleh sebab itu, saya mohon bantuan daripada Kementerian Pelajaran.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi keutamaan adalah diberi kepada sekolah-sekolah di luar bandar, tetapi kalau peruntukan lebih banyak, maka haruslah Kementerian saya akan memimbangkannya.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Masalah berkenaan dengan buku-buku teks selalu dibawa di Dewan Rakyat. Soalan saya, apakah sebabnya selalu Kerajaan Malaysia menukar buku-buku teks yang mana menyebabkan buku-buku teks abang murid itu tidak boleh dipakai oleh adiknya? Bolehkah Kementerian Pelajaran membuat satu rancangan yang mana buku-buku teks boleh dipakai oleh semua anak-anak?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain tetapi bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu

Kementerian Pelajaran tidak akan membenarkan sesebuah sekolah menukar buku teksnya sekurang-kurangnya 3 tahun sekali. Kalau mahu menukarkannya hendaklah minta kebenaran dari Kementerian dahulu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengatakan murid-murid miskin yang duduk dalam bandar boleh minta bantuan buku-buku daripada Kementerian Kebajikan Am. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am menyatakan boleh memberi buku-buku ini seperti masa dahulu diberikan juga buku-buku tersebut kepada anak-anak miskin dalam pekan tetapi cukup lambat—bulan Jun, Julai baharu dapat. Bolehkah pada tahun yang akan datang ini diberi buku-buku ini kepada anak-anak miskin yang di dalam bandar lekas sedikit seperti yang dijanjikan oleh Menteri tadi?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Sejak Kerajaan mengadakan Sistem Pinjaman Buku-buku kepada murid-murid, terutama sekali yang tinggal di luar bandar, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada diantara penerbit-penerbit yang tertentu yang telah mengeluarkan buku-buku yang bermutu rendah dari segi penjilutannya, bukan dari segi isinya.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya tak sedar berkenaan dengan ini, tetapi kalau ada haruslah kerana hendak memurahkan harga buku-buku itu untuk anak-anak, khususnya orang-orang yang kurang berada.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri kurang sedar di atas perkara ini kerana tidak dilaporkan oleh Biro Buku-buku Teks di Kementerian Pelajaran? Sebab saya diberi faham perkara ini sudahpun dilaporkan kepada Biro Buku-buku Teks di Kementerian Pelajaran seperti salinannya dihantar kepada saya.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya akan kaji hal ini.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa Kementerian beliau sudah memutuskan untuk memberi buku-buku teks dengan percuma kepada semua murid

dalam Jenis Sekolah Rendah seperti yang dilaungkan oleh Timbalan Presiden MIC dalam akhbar Tamil Nesan beberapa hari dahulu. Jika ya, tolong berikan butir-butir yang lanjut?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Bolehkah Ahli Yang Berhormat menyoalkan sekali lagi?

Tuan Loh Jee Mee: Adakah benar bahawa Kementerian Yang Berhormat sudah memutuskan untuk memberi buku-buku teks dengan percuma kepada semua murid dalam semua Jenis Sekolah Rendah seperti yang dilaungkan oleh Timbalan Presiden MIC dalam akhbar Tamil Nesan beberapa hari dahulu. Jika ya, tolong berikan butir-butir yang lanjut.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran ada memberi buku-buku teks percuma kepada murid-murid miskin bukan sahaja kepada Sekolah-sekolah Tamil tetapi juga kepada Sekolah-sekolah Kebangsaan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa buku-buku teks yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka kita menerima kerugian hampir dua million ringgit. Dengan kerugian ini, adakah Kementerian ini bercadang hendak memberi subsidi kepada perbadanan ini untuk meneruskan khidmatnya dengan memberi buku yang murah kepada murid-murid di luar bandar khususnya.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain.

Tuan Valentine Cotter: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Pelajaran sedar bahawa buku-buku teks itu tidak mencukupi di Sarawak, ramai murid-murid tidak boleh dapat buku-buku teks itu di sekolah, khasnya murid-murid di daerah luar bandar, kalau dapatpun lambat. Apa sebabnya.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar.

BIRO NARKOTIK

7. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Peguam Negara menyatakan kejayaan Biro Anti Narkotik dalam gerakan

pembasmian dadah setakat ini dengan memberi butir-butir mengenai tangkapan yang telah dibuat serta keluasan kebun-kebun ganja yang telah dimusnahkan.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusuf): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Pusat Biro Narkotik telah ditubuhkan dalam bulan Oktober, 1972, tetapi ia mula bergerak dalam menjalankan aktivitinya hanya dari bulan Februari 1973.

Dari bulan Februari 1973 hingga 15hb November, 1973 (iaitu dalam tempoh $9\frac{1}{2}$ bulan) Pusat Biro Narkotik telah menghasilkan kejayaan-kejayaan seperti berikut. Angka-angka berikut ini tidak termasuk angka-angka tangkapan oleh pihak polis atau pihak Kastam :

- | | |
|--|--------------|
| (a) jumlah orang-orang yang DITANGKAP DAN DITUDUH di Mahkamah atas berbagai kesalahan dadah | 90 orang |
| (b) banyaknya CANDU MANTAH yang telah dirampas | 609 paun |
| (c) banyaknya CANDU MASAK yang dirampas | 51 lb |
| (d) banyaknya MORPHINE yang dirampas | 32 lb |
| (e) banyaknya HEROIN yang dirampas | 26 lb |
| (f) banyaknya GANJA yang dirampas: | |
| (i) mengikut timbangan (ganja kering) | 37 lb |
| (ii) jumlah kartus | 1,905 kartus |
| (iii) mengikut pokok—48,271 pokok yang ditanam dalam kawasan seluas 12 ekar. | |

(a) Dalam bidang pelaksanaan, kejayaan besar yang telah dicapai oleh Biro dalam tempoh tahun pertama pergerakannya ialah tangkapan dan rampasan yang dibuat ke atas sebuah makmal haram yang memperoses morphine menjadi heroin di Bukit Mertajam. 6 orang telah ditangkap di makmal haram yang tersebut dan sejumlah besar heroin telah dirampas.

(b) Satu lagi kejayaan yang patut dinyatakan ialah pengenalan serta pengesanan beberapa tempat menyimpan candu yang diseludupkan di Seberang Prai. Baru-baru ini Biro ini telah berjaya menangkap seorang wanita dan merampas 250 paun candu di salah satu dari tempat simpanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya tegaskan di sini iaitu sungguhpun Pusat Biro Narkotik merupakan sebuah badan peraksanaan, tetapi ia juga bergiat membantu Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain dan orang ramai dalam rancangan-rancangan pendidikan dan pencegahan salahguna dadah. Dalam tempoh yang sama iaitu dari bulan Februari 1973 hingga 15hb November, 1973, Pusat Biro Narkotik telah mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan berikut :

(a) Foram dan Symposium	5
(b) Ceramah dan Perbincangan	80
(c) Tayangan Filem	9
(d) Pamiran	14

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar di beberapa disco (discotheque) di tanahair kita pemudapemudi boleh beli dadah dan boleh menghisap dadah di sana. Jika beliau sedar, apa tindakan beliau telah mengambil atau akan mengambil supaya kita boleh menghapuskan kegunaan dadah di tanahair kita.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya tahu saya telah mengarahkan pegawai-pegawai dan kakitangan saya mengadakan ejen-ejen di disco atau kelab-kelab yang dikatakan itu, tetapi tiada kenyataan dan anggapan sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kalau dia sedar, harap beritahu, tetapi kita telah menjalankan pengintipan kita, tetapi masa ini tiada bukti.

Dr Tan Chee Khoon: Malangnya, saya tidak melawat disco, tetapi seorang kawan saya baru-baru ini pergi ke disco dan bertanya: saya hendak hisap dan dijual . . .

Tuan Yang di-Pertua: Itu cuma cerita-cerita. Jadi saya hendak soalan tambahan.

Dr Tan Chee Khoon: Ya. Bolehkah Menteri yang berkenaan mengarahkan pegawai-pegawai Biro Anti Narkotik siasat kegunaan dadah di beberapa disco di tanahair kita dengan teliti supaya kita boleh menghapuskan kegunaan dadah di tanahair kita.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tidak faham jawapan saya, saya telah

menyatakan tiap-tiap tempat, disco dan kumpulan pemuda-pemudi seperti yang disebut itu telah ada ejen dari pihak Jabatan saya dan pegawai-pegawai saya untuk menyiasat. Oleh sebab itu tidak perlu nasihat yang tersebut itu kerana perkara ini telah dijalankan dengan teliti terlebih dahulu.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di suratkhobar beberapa hari yang lepas saya ada membaca satu kenyataan daripada Yang Berhormat Peguam Negara bahawa pengedar-pengedar dadah yang ke hadapan ini jika dapat ditangkap bukan sahaja dipenjarakan tetapi disebat ponggongnya dengan rotan. Bilakah hukuman itu akan dijalankan?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya sedang menggubal rang undang-undang itu. Saya tidak sempat hendak membawa ke dalam Parlimen ini dan saya berjanji akan membawa pada Parlimen akan datang, saya akan membawa hukuman minta persetujuan Parlimen ini, hukuman mesti disebat dan dirotan kepada pengedar dadah dan madat.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Banyak kali saya dapati pegawai-pegawai yang menentang dadah ini banyak dapat menangkap kebun-kebun ganja, maka kebun-kebun ganja ini kebanyakannya didapati dalam negeri Peguam Negara sendiri. Adakah itu satu tindakan mereka melawan kuasa dia, atau kerana tanahnya suburkah atau dibiarkan sahaja.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, nombor satu negeri Johor, nombor dua Negeri Perak (*Ketawa*) yang banyak kebun ganja. Saya sudah melawat di sana didapati daripada hasil siasatan iaitu daerah Pontian, kawasan Yang Berhormat Tan Sri Haji Sardon (*Ketawa*). Tanah di situ adalah tanah yang sebaik-baik mengeluarkan ganja dalam dunia ini seperti Virginia tobacco. Itulah sebabnya tanaman itu banyak di daerah Pontian, di Johor kerana climate dan bajanya sangat sesuai.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Peguam Negara sedar bahawa ada kesulitan dalam masalah

pengenalan oleh pegawai-pegawai yang melakukan pemeriksaan di sempadan-sempadan atau di tempat-tempat yang jauh daripada pusat Biro Anti Narkotik ini? Jika sedar, apakah cara-cara yang dijalankan supaya pegawai-pegawai di peringkat bawah boleh mengenali barang-barang yang tersebut, pernah terjadi di mana pegawai yang kurang mengenali barang itu, sebab dia berubah daripada satu benda kepada satu benda lain, daripada morphine kepada heroin mengikut cara-caranya sendiri.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah pegawai rendah yang di mana, pegawai rendah poliskah, pegawai rendah kastamkah atau pegawai rendah Biro Anti Narkotik. Kalau kata pegawai rendah Biro Anti Narkotik, mereka semua telah diberi kursus dari satu masa ke satu masa dan mereka itu saya memberi jaminan di sini memang cukup faham dengan bau, rupa dan rasa tiap-tiap satu madat yang ditangkap itu. Tetapi kalau pihak pegawai-pegawai rendah yang lain-lain, saya tidak tahulah.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya termasuk pegawai-pegawai polis. Apakah cara yang dibuat supaya pegawai-pegawai rendah polis bersama-sama dengan pegawai Biro Anti Narkotik ini mengancam betul-betul barang tersebut supaya menahan daripada dimasukkan ke Malaysia?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, adalah mustahil hendak diberitahu tiap-tiap pegawai polis yang berpuluh-puluh ribu itu tiap-tiap satu benda itu, melainkan dilatih berbulan-bulan. Saya fikir kalau masalah ganja dalam guni itu dia kenallah. Tetapi kalau heroin saya tidak percaya dapat dilaksanakan kehendak supaya tiap-tiap pegawai polis yang rendah mesti diajar. Itu tidak boleh.

KESATUAN PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI NEW ZEALAND

8. Tuan Loh Jee Mee (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada menjadi dasar Kementerian beliau tidak membenarkan atau tidak menggalakkan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut

di New Zealand dari memasuki Kesatuan-kesatuan Pelajar di berbagai institusi-institusi pelajaran tinggi selain daripada Kesatuan Pelajar-pelajar Malaysia yang rasmi di New Zealand, dan memberi penjelasan dan sebab-sebab Kementerian beliau bersikap seperti tersebut atas perkara ini.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, tiada ada dasar yang menyekat seseorang pelajar dari memasuki Kesatuan-kesatuan Pelajar yang terdapat di berbagai-bagai Institusi Pengajian Tinggi di New Zealand. Terpujanglah kepada seseorang pelajar itu samada ia hendak memasuki Kesatuan-kesatuan tersebut.

Berkenaan dengan Kesatuan Pelajar-pelajar Malaysia, Kementerian Pelajaran adalah menasihatkan pelajar-pelajar Malaysia supaya memasuki persatuan tersebut untuk memudahkan Kementerian Pelajaran memberi sebarang bantuan yang diperlukan.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Adakah Kementerian Pelajaran dan Kerajaan sedar bahawa kebanyakan penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri, terutama sekali yang bukan bumiputra berlagak bukan sebagai penuntut dari Malaysia baik daripada Sabah, Sarawak mahupun daripada Malaysia dan apakah tindakan akan diambil kepada mereka itu?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain, tetapi Kementerian saya tidak sedar berkenaan dengan apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, sekarang Menteri yang berkenaan telah sedar apakah tindakan akan dibuat kepada mereka itu?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Itu belum tahu betul atau tidak apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa Kerajaan Malaysia takut kerana pelajar-pelajar kita akan balik ke tanah air kita dengan pendapat-pendapat yang tidak sama dengan dasar dan pendapat-pendapat Perikatan?

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan.

Tuan Hor Cheok Foon: Soalan tambahan. Bolehkah Menteri Pelajaran memberitahu samada beliau sedar Pengarah Penuntut-penuntut (Director, Malaysian Students Department di Australia dan New Zealand) ialah seorang pengintip (spy) bagi kenyataan-kenyataan penuntut-penuntut di sana?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Itu soalan lain.

KEKURANGAN KAYU

9. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar bahawa papan tidak boleh didapati dengan senangnya di pasaran tempatan, dan jika ya, samada kemungkinan untuk mengurangkan ekseptot papan dan keutamaan diberi kepada pasaran Malaysia.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, kekurangan kayu di Semenanjung Malaysia adalah disebabkan bertambah dengan hebatnya keperluan (demand) kayu gergaji dan papan lapis keluaran tempatan, di pasaran luar negeri. Rancangan-rancangan perumahan yang begitu pesat juga menyebabkan kekurangan bahan-bahan untuk membuat rumah dalam Malaysia ini.

Dalam tahun 1972, jumlah pengeluaran kayu gergaji ialah sebanyak 2,210,789 ton, jumlah dieskseptot 1,035,439 ton dan bakinya sebanyak 1,175,350 ton digunakan dalam negeri. Sementara dalam tahun 1973 (sehingga bulan Jun) jumlah pengeluaran dianggarkan sebanyak 1,142,000 ton, dieskseptot 653,492 ton dan bakinya sebanyak 488,508 ton digunakan dalam negeri.

Bagi memastikan bahawa bekalan kayu bagi keperluan dalam negeri mencukupi, Kerajaan telah mengeluarkan larangan ekseptot ke atas 10 jenis kayu balak yang popular ke Singapura mulai dari bulan November, 1972. Langkah-langkah sedang diambil dengan giatnya untuk menggalakkan penggunaan dan mengekseptotkan jenis-jenis kayu yang kurang popular, supaya dapat menampung kekurangan bahan kayu yang sedang dialami.

Di samping itu, Kerajaan telah melonggarkan syarat-syarat memaksa mengenakan quota eksept papan lapis dari syarikat-syarikat yang mendapat taraf perintis, supaya dapat menyalurkan lebih banyak lagi papan-papan lapis itu kepada pasaran dalam negeri.

Kerajaan juga sedang menyediakan satu cara yang akan boleh menggalakkan lebih banyak lagi barang-barang kayu disalurkan ke pasaran dalam negeri.

Tuan Valentine Cotter: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sedar bahawa harga papan sangat mahal dan susah didapati sekarang dan adakah apa-apa langkah akan diambil oleh Kementerian ini?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa harga papan dan barang-barang kayu lain adalah naik dalam tahun 1973 ini oleh sebab Malaysia sebagai negara-negara lain pun tertakluk kepada harga barang di dalam pasaran dunia, dan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan adalah terbatas sangat, tetapi biarlah Ahli Yang Berhormat bersabar sedikit. Barangkali dalam satu minggu ini akan nampak langkah-langkah yang Kerajaan akan ambil mengenai soal mahal barang-barang pembinaan ini.

BADAN SUKAN—KUASA MUTLAK

10. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan mengapakah Kementerian beliau tidak mempunyai kuasa mutlak ke atas badan-badan sukan di negara ini terutamanya sekali dalam pemilihan ahli-ahli sukan Malaysia untuk pertandingan-pertandingan antarabangsa.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mokhtar bin Hashim): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebenarnya tidak mempunyai kuasa yang mutlak ke atas badan-badan sukan di negeri ini kerana badan-badan sukan adalah merupakan badan-badan sukarela yang mempunyai kedudukan "autonomous". Mereka berhak untuk membuat dan melaksanakan rancangan-rancangan mereka sendiri. Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan badan-badan sukan untuk menyelaraskan dasar-dasar dan rancangan-ran-

cangan badan-badan tersebut. Melalui bantuan-bantuan yang dihulurkan kepada badan-badan tersebut setiap tahun, Kementerian ini ada mempunyai kuasa menentukan supaya badan-badan tersebut patuh kepada dasar-dasar Kerajaan.

Dalam pemilihan ahli-ahli sukan untuk mewakili Malaysia dalam pertandingan-pertandingan sukan antarabangsa, terdapat suatu Jawatankuasa Khas yang mengandungi ahli-ahli yang terdiri daripada wakil-wakil Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negara, Majlis Olimpik Malaysia dan badan-badan sukan yang berkenaan.

Kementerian ini sedang berusaha untuk memainkan peranan yang lebih kuat dan penting dalam kegiatan sukan di negeri ini.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa nama sukan itu telah digunakan oleh separuh orang untuk mencari keuntungan, misalnya, dibuka sebuah kelab dengan nama Kelab Sukan tetapi dalam Kelab itu ada kasino, judi dibuka daripada pukul 2.00 sampai pukul 3.00 pagi; Taisai, Tekbeng, Dadu, Chapjiki seperti yang berlaku dalam Negeri Perak dan berlaku dalam Negeri Kelantan, apakah tindakan akan dibuat oleh Menteri yang berkenaan supaya namanya jangan terbabit?

Tuan Mokhtar bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, malah perkataan sukan itu mulla-nya daripada suka-sukaan, jadi tidak hairanlah kalau sukan itu digunakan untuk kegiatan yang lain-lain, tetapi tanggungjawab Kementerian ini adalah daripada segi sukan dengan ertikata yang sebenarnya. Perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi adalah luar daripada tugas-tugas yang dijalankan oleh Kementerian ini.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa yang dijawab oleh Setiausaha Parlimen tadi. Tujuan sukan itu hendak bersuka-suka, tetapi telah diselewengkan oleh orang membawa kepada duka dan menjadi papa kedana kepada rakyat yang mengamalkan masuk kelab itu. Setelah saya beritahu ini adakah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengambil tindakan bekerjasama bagi pihak Pendaftar Kelab-kelab supaya jangan digunakan tempat pajak judi?

Tuan Mokhtar bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, kalau berlaku perkara-perkara seperti itu Ahli Yang Berhormat sepatutnya mengambil tindakan yang tertentu seperti yang saya percaya Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum.

TANAH-TANAH TERBIAR

11. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada Kementerian beliau akan mengadakan suatu undang-undang yang memberi kuasa merampas tanah-tanah yang terbiar dan tidak digunakan untuk:

- (a) mengatasi keadaan-keadaan "lapar-tanah" yang sering berlaku di negeri ini;
- (b) mengawal pembukaan hutan-hutan yang boleh menyebabkan kekurangan pengeluaran kayu-kayan; dan
- (c) memberi tanah kepada orang-orang luar bandar yang benar-benar berkehendakkan tanah untuk diguna dan dikerjakan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah (Tuan Mohamed bin Ujang): Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan (a) Kerajaan tidak perlu mengadakan suatu undang-undang yang memberi kuasa untuk merampas tanah-tanah yang terbiar dan tidak digunakan kerana peruntukan bagi maksud ini telahpun sedia ada dalam Kanun Tanah Negara.

Untuk jawapan kepada soalan (b) perkara ini sedang dalam kajian. Soalan (c) seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum beberapa badan atau agensi Kemajuan Tanah yang dikelolakan oleh Kerajaan Pusat seperti FELDA, FELCRA serta Agensi-agensi Kerajaan Negeri dan juga swasta telahpun ditubuhkan untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Soalan tambahan. Dalam langkah mencegah pembukaan tanah ini, adakah pihak Kementerian Kemajuan Tanah mendapat kerjasama yang rapat daripada jabatan-jabatan lain umpamanya Polis. Dalam perkara mencegah pembukaan tanah seperti itu sebagaimana yang diterangkan oleh beliau tadi yang mengata-

kan bahawa langkah-langkah telah diambil, tetapi adakah mendapat kerjasama rapi dari jabatan-jabatan lain?

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soal mengeluarkan tanah itu adalah soal Kerajaan Negeri dan saya percaya Kerajaan Negeri mendapat kerjasama yang penuh daripada pihak-pihak yang lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Apakah langkah yang dibuat oleh Kementerian Kemajuan Tanah dalam perkara tanah-tanah terbiar yang sekarang ini banyak terdapat di mana-mana seperti di kampung-kampung khususnya di daerah-daerah di Pantai Timur. Apakah rancangan Kementerian samada tanah-tanah ini akan dimajukan secara bersungguh-sungguh melalui FELCRA dan menjadikan mereka yang empunya tanah itu sebagai pemilik atau syer dalam rancangan secara berkumpul dan secara besar-besaran itu?

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, sebagai yang saya katakan tadi tanah itu dalam kuasa Kerajaan Negeri dan sebarang langkah akan diambil terpujang kepada Kerajaan Negeri dan saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri ada mengambil tindakan dalam soal ini.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Adakah pihak Kementerian Kemajuan Tanah berpuas hati di atas segala tindakan yang telah diambil dalam perkara tersebut itu?

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini Kementerian berpuas hati.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Adakah boleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi jaminan iaitu sekiranya ada kumpulan yang mempunyai tanah seramai lebih kurang 20 orang yang kesemuanya tanah itu terbiar dan disatukan dan meminta FELCRA untuk membuka rancangan ataupun memajukan tanah itu. Adakah cara seperti itu boleh dijalankan dan hendak dijalankan oleh pihak Kementerian yang berkenaan?

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, masalah pembukaan tanah itu adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri, tetapi kalau sekiranya kebun getah, saya rasa RISDA adalah bertanggungjawab dalam soal ini.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Tanah dan Tugas-tugas Khas sedar bahawa permohonan tanah daripada rakyat kepada Kerajaan Negeri untuk perusahaan bercucuk tanam, maka apabila dihantar permohonan melalui borang tertentu dengan pembayaran \$2.00 maka dijawab: "Permohonan tuan selamat diterima dan akan ditimbangkan." Maka cara menimbangkan permohonan itu sampai 5 tahun tidak dapat jawapan. Adakah Menteri yang berkenaan dapat mengubah cara menjawab itu dan ditimbangkan dengan serta-merta cara dacing yang boleh membetulkan jarum itu dengan secepat mungkin?

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis soalan yang dikemukakananya itu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 24 adalah diberi di bawah ini).

DENGGI—PENYAKIT DEMAM

12. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan Negeri-negeri yang telah diserang demam denggi yang berpunca dari nyamuk Aedes, bilangan kampung-kampung dan orang-orang yang telah diserang demam itu serta juga bilangan yang telah mati dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi melawan demam ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Sejak terjadinya wabak penyakit demam Denggi, bilangan kes yang telah dilaporkan sehingga akhir Oktober, 1973 adalah seperti berikut:

	Negeri	Kes	Kematian
1. Perlis	3	—
2. Kedah	1	—
3. Penang	25	—
4. Perak	13	—
5. Selangor	424	18
6. Negri Sembilan	131	1
7. Melaka	36	—
8. Johor	154	13
9. Pahang	9	2
10. Trengganu	39	—
	Jumlah ...	835	34

Dengan ini 10 buah negeri-negeri di Semenanjung Malaysia telah terlibat.

Langkah-langkah yang telah diambil bagi mengawal penyakit ini adalah:

- (1) Projek kebersihan secara gotong-royong telah dijalankan bagi menjayakan rancangan kebersihan sekeliling di rumah-rumah kediaman dan membersihkan tempat-tempat yang membolehkan nyamuk membiak.
- (2) Pelajaran Kesihatan adalah juga diberi kepada orang ramai melalui buku-buku panduan dan nasihat di atas langkah-langkah yang akan diambil bagi mengurangkan tempat-tempat yang nyamuk membiak.
- (3) Cara-cara penyemburan "swing-fogging" di kawasan-kawasan yang terlibat bagi melawan nyamuk Aedes juga sedang dijalankan.
- (4) Semua kes-kes dimasukkan ke Hospital untuk rawatan dan juga diasingkan.

PADI BUKIT—TANAMAN

13. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan jenis bantuan yang diberikan kepada penanam-penanam padi bukit di kawasan bukit-bukit pendalaman di Sarawak dan petani-petani di sawah yang bertaburan di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak untuk membolehkan mereka memperbaiki pengeluaran mereka.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tanaman padi bukit atau padi huma tidak boleh memenuhi keperluan makanan. Pendapatan daripadanya adalah kurang daripada padi bendang. Kerajaan Negeri Sarawak memberi bantuan baja "Amophos" untuk padi bukit di kawasan-kawasan yang hanya sesuai untuk tanaman padi jenis ini dengan jualan sebanyak \$1 satu kampet berisi 10 lb untuk digaul dengan benih sebanyak 5 gantang bagi tiap-tiap satu ekar sebelum ditugal. Jualan baja ini di pasaran yang tidak dibantu oleh Kerajaan ialah dengan harga sebanyak \$2.85 satu kampet berisi 10lb Jabatan Pertanian juga akan memberi racun serangga dengan percuma kepada penanam-penanam padi bukit atas permintaan bagi kawalan musuh.

Dasar Kementerian ini ialah untuk memajukan kawasan-kawasan bendang dengan kemudahan bekalan air bagi tanaman padi dua musim dengan jenis-jenis yang tinggi hasilnya bagi mencapai keperluan yang penuh. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri Sarawak telah mengadakan Sekim Bantuan kepada penanam-penanam padi di kawasan-kawasan paya yang sesuai bagi tanaman padi yang kekal yang ditentukan. Peserta-peserta di dalam Sekim Bantuan Penanam-penanam Padi boleh menerima bantuan dengan wang tunai dan benda yang jumlahnya berharga sebanyak \$400 seakar dalam tempoh 6 tahun sebagai berikut:

Tahun pertama dan kedua—

Bantuan bagi membersihkan hutan, membena batas dan taliair dsb. \$250.

Tahun ketiga—

Bantuan penuh baja dan racun serangga \$60.

Tahun keempat—

Bantuan baja dan racun serangga sebanyak 75% \$45.

Tahun kelima—

Bantuan baja dan racun serangga sebanyak 50% \$30.

Tahun keenam—

Bantuan baja dan racun serangga sebanyak 25% \$15.

Penanam-penanam padi yang tiada menyertai Rancangan Bantuan Penanam-penanam Padi boleh memperoleh bantuan racun serangga atas permintaan kepada Jabatan Pertanian Negeri untuk mengawal musuh tanaman padi.

TANAH—PERMOHONAN

14. Tuan Lim Pee Hung bertanya kepada Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan berapa lama masa akan diambil supaya sesuatu permohonan tanah diproses dan apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil supaya dipercepatkan permohonan-permohonan itu.

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Amatlah sukar menentukan tempoh untuk memproses sesuatu permohonan tanah itu. Masa yang akan diambil bagi memproses sesuatu

permohonan itu adalah berbeza dari satu kes dengan sesuatu kes yang lain yang kadang-kadang melibatkan beberapa buah Jabatan Kerajaan dan badan-badan yang bukan Kerajaan. Faktor-faktor yang terdapat di peringkat daerah dan di Negeri yang berkenaan juga boleh menentukan tempoh sesuatu permohonan tanah itu diambil. Tindakan sedang dijalankan oleh Kementerian saya sekarang dengan kerjasama pihak berkuasa negeri untuk mempercepatkan permohonan-permohonan itu.

SEKOLAH MENENGAH VOKESYENAL

15. Tuan R. C. M. Rayan minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menimbangkan untuk membuka lebih banyak lagi sekolah-sekolah vokesyenal di tiap-tiap negeri untuk melatih dalam berbagai-bagai kerja untuk penuntut-penuntut yang gagal dalam Peperiksaan S.R.P. atau S.P.M. dan mereka yang didapati tidak sesuai untuk mengikuti pengajian tinggi bagi meringankan masalah pengangguran dan supaya mereka boleh hidup sebagai warganegara yang berguna dan patuh kepada undang-undang.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Ya, tetapi sekolah-sekolah Menengah Vokesyenal Kementerian Pelajaran bukanlah untuk menempatkan penuntut-penuntut yang gagal dalam S.R.P. atau S.P.M. ataupun mereka yang tidak sesuai mengikuti pengajian tinggi. Bahkan sekolah ini adalah untuk penuntut-penuntut yang berminat dan berkecenderungan dalam bidang vokesyenal selepas peringkat S.R.P./L.C.E.

IKAN SENANGIN—PEMELIHARAAN

16. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau sedar bahawa pemeliharaan ikan senangin sebagaimana yang dijalankan di Taiwan dan lain-lain negara mendatangkan keuntungan, dan jika ya, samada Kerajaan akan menjalankan penyelidikan mengenai pemeliharaan ikan jenis ini dengan tujuan hendak menggalakkan penduduk-penduduk di kawasan pantai menjalankan perusahaan memelihara ikan seperti ini atau adakah Kerajaan sendiri sudah berusaha memeliharanya atau akan memelihara.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Kementerian saya tidak ada maklumat berkenaan dengan usaha pemeliharaan ikan senangin di Taiwan ataupun oleh lain-lain negara. Ternakan ikan senangin di Taiwan itu mungkin merupakan suatu cara baru, sebab itu maklumat-maklumat tentang ini belum ada diterima lagi.

Walau bagaimanapun pemeliharaan jenis-jenis ikan yang didapati di kawasan pantai adalah diketahui seumpama percubaan ikan ekor kuning di Negeri Taiwan dan Jepun; ikan milk fish di Filipina dan Indonesia dan siapak di Thailand.

Kita di Malaysia pun ada menjalankan percubaan yang seumpama itu seperti ikan milk fish dan belanak di Sabah dari benih-benih ikan tersebut yang diimport dari luar negeri dan ikan kerapu dan udang galah di Pulau Pinang oleh Jabatan Perikanan. Usaha yang dijalankan itu adalah penyelidikan-penyelidikan awal tentang ternakan ikan tersebut. Kementerian Pertanian dan Perikanan telah menyediakan rancangan-rancangan tertentu untuk ternakan ikan di kawasan-kawasan pantai. Sebuah stesyen ternakan ikan Air Payau adalah dirancang untuk dibina di Negeri Johor dengan harga sebanyak \$1/2 juta.

FELDA—PENDAPATAN PENEROKA RENDAH

17. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa peneroka-peneroka FELDA mendapat pendapatan yang sangat rendah sementara mereka menanti kelapa sawit atau getah mendatangkan hasil; dan
- (b) samada Kementerian beliau bercadang untuk menambah elau sara hidup mereka memandangkan kepada harga barang-barang keperluan yang sedang melambung tinggi pada masa sekarang.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Saya sedar bahawa pendapatan peneroka-peneroka FELDA sementara menunggu hasil tanaman mereka adalah rendah. Tiap-tiap peserta di rancangan FELDA yang belum mengeluarkan hasil

adalah diberi bantuan pinjaman bulanan hanya sekadar \$69.60. Walau bagaimanapun ada peneroka-peneroka itu berusaha dengan jalan mengambil peluang-peluang pekerjaan yang sentiasa ada di dalam atau di luar rancangan tersebut bagi menambahkan pendapatan mereka. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa wang bantuan pinjaman bulanan untuk sara hidup yang diberikan kepada peneroka-peneroka FELDA itu adalah wang pinjaman yang dikehendaki dibayar kembali oleh peneroka-peneroka dalam tempoh yang ditetapkan. Jumlah hutang peneroka-peneroka adalah sentiasa diambil perhatian supaya ianya tidak melebihi dari yang sepatutnya dengan tujuan untuk meringankan beban hutang yang ditanggung oleh peneroka dan untuk menentukan hutang itu dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

(b) Kementerian saya sedang mengkaji samada boleh atau tidak menambahkan lagi jumlah bantuan pinjaman bulanan kepada peneroka-peneroka itu, dan implikasi-implikasi yang mungkin timbul dari sebarang keputusan dan langkah. Jika sekiranya didapati perlu dan munasabah bagi kepentingan peneroka-peneroka itu sendiri dari sudut merengangkan tekanan hidup serta perimbangannya dengan tekanan beban hutang, maka Kementerian saya akan mengambil langkah yang sewajarnya.

UNITED MOTOR WORKS—PEKERJA

18. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa pekerja-pekerja United Motor Works telah ditindas ketika mereka hendak menubuhkan sebuah kesatuan sekerja. Jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk membantu kaum pekerja menubuhkan sebuah kesatuan sekerja.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Saya tidak sedar bahawa pekerja-pekerja United Motor Works Sdn. Berhad, Shah Alam, telahpun ditindas daripada menubuhkan kesatuan sekerja. Sekiranya ada pekerja yang merasa bahawa beliau bolehlah mengadukan perkara itu kepada Kementerian untuk tindakan yang sewajarnya. Begitu juga, bagi pekerja yang ingin mendapat nasihat atas penubuhan sesuatu kesatuan sekerja, beliau boleh memperolehi nasihat daripada

Kementerian dan saya memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa bantuan dalam perkara ini apabila perlu, akan diberi oleh Kementerian.

JURURAWAT MALAYSIA DI UNITED KINGDOM

19. Tuan Lee Seck Fun minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa sebilangan besar rakyat Malaysia yang sedang berkhidmat sebagai jururawat di United Kingdom ingin berkhidmat di Malaysia tetapi mereka tidak boleh berbuat demikian kerana mereka tidak lulus Bahasa Malaysia dan jika ya, samada Kerajaan akan memanggil mereka balik dengan syarat mereka lulus Darjah yang tertentu dalam Bahasa Malaysia dalam tempoh yang ditentukan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Saya sedar bahawa ada rakyat Malaysia yang berkhidmat sebagai Jururawat di United Kingdom, dan telah menemui mereka ini dan menggalakkan mereka kembali berkhidmat dengan Kerajaan di Malaysia. Segala persediaan untuk membolehkan mereka ini berkhidmat di Malaysia telahpun diuruskan. Mereka-mereka yang tidak ada mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia dan Bahasa Malaysia yang diperlukan bagi jawatan tetap adalah diambil atas dasar sementara dan kemudiannya pula akan dipertimbangkan untuk jawatan kontrak.

GAJI MINIMA RENDAH

20. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan, memandangkan banyak kerja-kerja kosong di negeri ini yang belum dipenuhi, samada satu daripada sebab-sebab sambutan yang kurang kepada kerja-kerja ini ialah kerana gaji minima yang ditawarkan itu rendah.

Tan Sri V. Manickavasagam: Gaji permulaan yang ditawarkan kepada beberapa kategori pekerjaan oleh setengah perusahaan adalah tidak berapa menarik. Dalam hal-hal seperti ini, sambutan untuk mengisi kerja-kerja kosong itu adalah tidak begitu baik. Lain-lain faktor seperti kemudahan-kemudahan pengangkutan, tempat-tempat tinggal yang murah dan prospek mobiliti yang lebih tinggi adalah juga mempengaruhi sambutan dari pencari-pencari kerja.

JURURAWAT MALAYSIA DI UNITED KINGDOM—PENGAMBILAN

21. Tuan Lim Pee Hung bertanya kepada Menteri Kesihatan samada beliau sedar bahawa banyak kesulitan telah ditimbulkan dalam pengambilan jururawat-jururawat Malaysia di United Kingdom untuk memberi perkhidmatan di Malaysia kerana pemohon-pemohon adalah dipanggil balik ke Malaysia terlebih dahulu untuk ditemuduga dan jika demikian nyatakan samada Kerajaan bersedia mengadakan pengambilan itu dengan mengadakan temuduga oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom.

Tan Sri Lee Siok Yew: Saya suka menjelaskan bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Alor Setar itu tidak benar. Kementerian saya telahpun menduga akan kesulitan seumpama ini terlebih dahulu lagi dan dengan itu telahpun mengambil tindakan yang sesuai. Oleh itu sekarang ini tidak ada kesulitan lagi, kerana Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom telahpun diberi kuasa khas oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk mengambil Jururawat-jururawat Terlatih samada atas dasar tetap atau kontrak mengikut kelayakan masing-masing sejak bulan Jun, 1972 lagi. Sebarang temuduga yang diperlukan adalah dijalankan di United Kingdom.

Kementerian Kesihatan juga telah diberi kuasa untuk melantik Jururawat-jururawat Terlatih Sementara. Dalam tahun ini sehingga 12hb November, 1973, seramai 68 orang Jururawat Terlatih Sementara telahpun dilantik oleh Kementerian Kesihatan.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) SUNGEI PARI

22. Tuan R. C. M. Rayan minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa walaupun wang sebanyak \$123,200 telah ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua (berkenaan Pembangunan Negara dan Luar Bandar di Daerah Kinta) untuk membina sebuah bangunan sekolah yang mengandungi 12 bilik darjah, kemudahan tandas dan padang permainan untuk sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Sungei Pari, Ipoh bagi tahun 1972 tetapi sampai sekarang kerja belum dimulai walaupun tahun 1972 telah berlalu dan tahun

1973 akan berakhir. Jika sedar, bolehkah Menteri yang berkenaan menyatakan bila rancangan itu akan bermula dan disiapkan kerana kelambatan ini menyebabkan kesulitan dan kesusahan yang amat sangat kepada guru-guru dan murid-murid.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Adalah tidak benar tentang adanya peruntukan sebanyak \$123,200 bagi pembinaan sekolah tersebut dalam tahun 1972. Kementerian ini cuma telah menerima permohonan dari Pengarah Pelajaran Perak untuk membina sekolah ini dengan anggaran perbelanjaan sebanyak \$147,000 dalam tahun 1972.

Setelah dipertimbangkan dengan keperluan-keperluan di tempat lain dalam konteks peruntukan pembangunan bagi tahun itu, didapati bahawa permohonan itu tidaklah begitu mendesak. Walau bagaimanapun permohonan bagi sekolah ini adalah dalam perhatian Kementerian saya.

HOUSEMANSHIP DOKTOR DARI INDIA

23. Dr A. Soorian minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa taraf pengajaran di pusat-pusat perubatan yang diakui di India adalah setaraf dengan pengajaran di institusi-institusi pelajaran tinggi di Barat dan samada beliau boleh menerangkan mengapa doktor-doktor yang lulus dari India dikenakan menjalani tempoh "housemanship" di Malaysia selama setahun lagi tetapi doktor-doktor dari Barat, Timur Tengah, Indonesia dan lain-lain dikecualikan daripada peraturan ini; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa peraturan ini telah mengecewakan doktor-doktor yang lulus dari India di negara ini; jika sedar, samada Kerajaan akan menimbang untuk membatalkan peraturan tempoh "housemanship" setahun itu.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (a) Majlis Perubatan Malaysia ialah Kuasa yang menentukan penerimaan atau sebaliknya pengajaran dan latihan siswazah-siswazah di Yayasan-yayasan Perubatan dengan tujuan menimbangkan siswazah-siswazah Perubatan ter-

sebut untuk didaftarkan sebagai Pengamal Perubatan "Medical Practitioners" di bawah undang-undang Malaysia.

Sekiranya Siswazah-siswazah Perubatan yang tidak menjalani satu tempoh latihan "housemanship" yang dianggap sama oleh Majlis Perubatan Malaysia di dalam bentuk sekop dan jangka masa sebagaimana yang dikehendaki di bawah Undang-undang Malaysia, Majlis Perubatan Malaysia mengkehendaki Siswazah-siswazah Perubatan itu termasuk yang lulus daripada Barat, Timur Tengah, Indonesia atau negara-negara lain, menjalankan latihan "housemanship" selama setahun di Hospital-hospital yang diakui di Malaysia sebelum Siswazah-siswazah Perubatan itu ditimbangkan oleh Majlis untuk pendaftaran penuh sebagai Pengamal Perubatan di Malaysia.

Mengenai doktor-doktor yang lulus daripada Kolej Perubatan di India, Majlis Perubatan Malaysia menganggap bahawa 12 bulan "rotating internship" (juga dikenali sebagai "rotating surgency atau rotating housemanship") di Kolej Perubatan di India adalah sebagai satu daripada bahagian *Pelajaran Siswazah-siswazah Perubatan*. Tempoh rotating internship juga berbeza di dalam bentuk sekop dan jangka masa jika dibandingkan dengan latihan housemanship yang dikehendaki di bawah Undang-undang Malaysia. Dengan itu, Majlis Perubatan Malaysia mengkehendaki semua Siswazah-siswazah baru daripada Kolej Perubatan yang diakui di India menjalani 12 bulan latihan "housemanship" samada di Malaysia atau di lain-lain tempat yang mempunyai latihan "housemanship" yang sama di dalam bentuk sekop dan jangka masa. Latihan 12 bulan housemanship seumpama itu adalah merupakan tambahan kepada 12 bulan rotating internship yang dijalani di India. Siswazah-siswazah Perubatan yang telah menjalani latihan-latihan seumpama itu barulah dipertimbangkan oleh Majlis untuk pendaftaran penuh sebagai Pengamal Perubatan di bawah Undang-undang Malaysia.

Walau bagaimanapun Siswazah-siswazah Perubatan daripada Kolej Perubatan di India yang telah menjalankan 12 bulan "Senior Housemanship" di Kolej-kolej atau di Yayasan-yayasan yang diakui di India atau di lain-lain tempat adalah dikecualikan daripada latihan housemanship di Malaysia.

(b) Tidak.

TANGKAPAN DALAM GERAKAN "JUDAS"

24. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau akan mengadakan satu penyiasatan terbuka berhubung dengan perkara-perkara dan sebab-sebab penangkapan ke atas 29 orang di Sarawak, dan samada pembicaraan terbuka akan diadakan bagi mereka-mereka yang masih dalam tahanan untuk membolehkan mereka membela diri dari tuduhan-tuduhan yang mereka telah memberi sokongan kepada pemberontak komunis.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebenarnya 30 orang telah ditangkap dalam Gerakan "Judas" di Negeri Sarawak baru-baru ini kerana mereka didapati melakukan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan "The Preservation of Public Security Regulations" tahun 1962. Sehingga hari ini 27 orang daripada mereka itu telahpun dibebaskan setelah disiasat dan mereka itu telahpun memberi kerjasama yang penuh kepada Kerajaan. 3 orang telah dikenakan Perintah Tahanan di bawah undang-undang yang tersebut.

USUL-USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa apabila tamat mesyuarat hari ini Dewan ini bersidang semula pada pukul 3.30 petang esok, 5hb Disember, 1973 dan bukan pada pukul 2.30 petang.

Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa apabila tamat mesyuarat hari ini Dewan ini bersidang semula pada pukul 3.30 petang esok, 5hb Disember, 1973 dan bukan pada pukul 2.30 petang.

KAJIAN SEMULA PERTENGAHAN PENGAL RANCANGAN MALAYSIA KEDUA

Bahawa Dewan ini, *sambil menyedari* kejayaan cemerlang dalam masa tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua dalam usaha-usaha untuk mencapai dua matlamat utama Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia bagi memperimbangan jurang perbezaan ekonomi antara kaum, *meluluskan* Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua dengan peruntukan-peruntukan perbelanjaan pembangunan awam yang dikaji semula bagi tujuan memenuhi matlamat-matlamat yang telah bertambah dari segi ukuran-ukuran dasar dan rancangan-rancangan pembangunan sebagaimana yang tercatat dalam Kertas Perintah No. 44 Tahun 1973.

Bahawa, *sambil meluluskan* Kajian Semula Rancangan ini, Dewan *menyeru* agar semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup dengan sepuh azam akan membaruh dedikasi dan melibatkan diri mereka dalam usaha yang penuh cabaran ini bagi menentukan kejayaan sepenuhnya matlamat Rancangan Malaysia Kedua serta Dasar Ekonomi Baru dan dengan ini akan mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama dan satu negara yang bersatu dan maju yang seharusnya dapat kita semua rakyat Malaysia banggakan dalam memberi perkhidmatan dan mempertahankannya, sebagaimana yang dikehendaki oleh Rukunegara. (3hb Disember, 1973).

Perbahasan disambung semula.

3.32 ptg.

Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, muka 86 dan 87 Buku Mid-Term

Review jelas menunjukkan bagaimanakah corak ekonomi Malaysia dalam tahun 1990 bagi memuaskan semua pihak dan dalam perjalanan untuk menyusun semula masyarakat Malaysia.

Kenyataan itu seharusnya mendapat perhatian yang jelas kepada seluruh rakyat negara ini supaya setiap orang mengetahui dan dapat mengikuti segala rancangan-rancangan Kerajaan bagi faedah negara dan rakyat pada keseluruhannya.

Bagi mencapai matlamat supaya 70% pelaburan modal di Malaysia mesti dipegang oleh rakyat negeri ini sendiri dalam tahun 1990 maka modal orang-orang Melayu dikehendaki tambahan \$13,972.9 juta, untuk 30% dan tambahan sebanyak \$16,818 juta pula bagi modal orang-orang yang bukan Melayu untuk mengisi baki yang 40% lagi itu. Ini jelas menunjukkan bahawa semua kaum di Malaysia samada Melayu, Cina, India dan juga lain-lain bangsa adalah dijamin akan dapat mengembangkan ekonominya masing-masing dengan seluas-luasnya tetapi perkembangan ini hendaklah dilaksanakan di dalam konteks penyusunan semula masyarakat Malaysia. Perkembangan ekonomi yang tidak berdasarkan kepada cita-cita menyusun semula masyarakat Malaysia akan menimbulkan bahaya kepada negara.

Setiap orang rakyat negeri ini hendaklah memahami pengertian penyusunan semula masyarakat dan bagaimana hendak melaksanakan rancangan tersebut. Persamaan kedudukan ekonomi di antara semua bangsa di Malaysia adalah menjadi anak kunci bagi mencapai kejayaan penyusunan semula masyarakat itu.

Pada hari ini modal perniagaan orang Melayu hanya ada sebanyak \$102.6 juta iaitu kira-kira 1.9% sahaja. Masaalah besar yang dihadapi sekarang adakah orang-orang Melayu akan dapat mengadakan tambahan modal sebanyak \$13,972 juta dalam tempoh 17 tahun dari sekarang menjelang tahun 1990, untuk menjadikan modal orang Melayu dalam negeri ini sebanyak 30% itu. Tidak ada sesiapa pun yang boleh percaya modal tambahan sebanyak itu akan dapat diadakan oleh orang Melayu sendiri jika tidak dengan bantuan Kerajaan.

Bagi orang-orang bukan Melayu modal tambahan sebanyak \$16,818 juta seperti yang disebutkan di atas tadi ada kemungkinan

sebahagian besar daripadanya akan dapat dipenuhi melalui private sektor masing-masing.

Perkembangan ekonomi satu-satu bangsa itu samada melalui sektor awam ataupun sektor private bukanlah menjadi satu soal yang harus dipersoalkan atau diperdebatkan. Yang menjadi persoalan pokok bagi kita rakyat Malaysia ialah bagaimanakah penyusunan semula masyarakat di mana tiap-tiap kaum dapat mengambil bahagian dalam perkembangan ekonomi yang sama banyak dan adil di antara satu dengan yang lain dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Bantuan-bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada orang Melayu pada hari ini bukan bertujuan supaya orang Melayu mendapat hak yang lebih daripada orang lain. Bantuan itu semata-mata untuk membolehkan orang Melayu dapat bersaing sahaja dengan orang yang bukan Melayu sehingga tercapai cita-cita penyusunan semula masyarakat yang pincang sekarang. Wang ringgit yang dibelanjakan oleh Kerajaan melalui Badan-badan Berkanun seperti UDA, MARA dan PERNAS bukannya merupakan satu pemberian percuma kepada orang-orang Melayu. Wang itu sebahagian besar daripadanya merupakan wang pinjaman yang mesti dibayar balik oleh orang Melayu kepada Kerajaan. Rumah-rumah kedai yang didirikan oleh MARA dan UDA umpamanya tidaklah diberi dengan percuma kepada orang Melayu. Orang-orang Melayu yang berniaga di dalamnya terpaksa membayar sewa. Wang pinjaman yang diberikan kepada orang Melayu untuk menjalankan perniagaan oleh MARA adalah juga dituntut untuk dibayar balik. Kilang-kilang yang didirikan oleh MARA dan PERNAS tidak akan diserahkan secara percuma kepada orang Melayu, tetapi ialah dengan cara menjualkan saham-sahamnya supaya wang Kerajaan yang dipinjamkan kepada MARA dan PERNAS dan juga kepada UDA dapat dibayar kembali kepada Kerajaan. Bahkan penuntut-penuntut yang mendapat biasiswa melalui MARA pun terpaksa membayar balik wang itu apabila mereka telah lulus daripada Universiti.

Orang-orang bukan Melayu lebih bernasib baik kerana mereka mempunyai kedudukan ekonomi yang lebih kuat daripada orang Melayu. Ini dapat dibuktikan pada hari ini di mana didapati jumlah penanam modal orang-orang bukan Melayu adalah sebanyak

\$1,978 juta iaitu kira-kira 37.4% daripada jumlah semua modal yang beredar di Malaysia sekarang ini dibandingkan dengan \$102.6 juta iaitu sebanyak 1.9% sahaja yang dimiliki oleh orang-orang Melayu. Dengan kedudukan ekonomi mereka yang jauh lebih teguh dan dengan modal yang lebih besar daripada orang Melayu, maka orang-orang bukan Melayu dengan mudah akan dapat mengembangkan lagi perniagaannya dengan modal sendiri dan dengan meminjam wang daripada bank-bank perniagaan yang sangat banyak dalam tanahair kita ini termasuklah juga Badan-badan Berkanun Kerajaan seperti M.I.D.F. Kerajaan tidak pernah menyekat orang-orang bukan Melayu untuk mendapatkan pinjaman wang daripada mana-mana jua bank dengan seberapa banyak yang dikehendakinya. Bahkan adalah didapati sekarang ini bahawa Bank Bumiputra sendiri iaitu sebuah Bank tunggal yang dipunyai oleh orang Melayu pun memberikan pinjaman jauh lebih banyak kepada orang yang bukan Melayu. Bank Bumiputra tidak dapat disalahkan dalam soal ini kerana Bank itu terpaksa berjalan sebagai sebuah Commercial Bank yang lain dan mesti memberi pinjaman seberapa banyak yang boleh untuk mengembangkan perniagaannya. Ini adalah jelas menunjukkan bahawa Kerajaan tidak pernah sama sekali dan tidak pernah berniat hendak menyekat perkembangan ekonomi semua bangsa ataupun bangsa yang bukan Melayu dalam tanahair kita.

Penubuhan I.T.M. (Institusi Teknologi MARA) dan Kolej Tunku Abdul Rahman adalah merupakan satu contoh lagi untuk menunjukkan perbezaan kekuatan ekonomi orang Melayu dan bukan Melayu. I.T.M. ataupun Instituti Teknologi MARA tidak akan ujud seperti yang ada pada hari ini jika sekiranya wang perbelanjaannya hendak dikutip daripada orang-orang Melayu, tetapi sebaliknya Kolej Tunku Abdul Rahman yang boleh dikatakan dapat menyaingi I.T.M. telah dapat didirikan dengan kutipan wang derma daripada orang-orang Cina sendiri dan dengan sedikit bantuan daripada Kerajaan sahaja.

Segala rancangan membantu mengembangkan ekonomi orang Melayu ini hanya merupakan satu tindakan sementara sahaja sehingga tercapai matlamat menyusun semula masyarakat Malaysia. Penyusunan Semula Masyarakat Malaysia bererti semua kaum

akan dapat menikmati kekayaan Malaysia dengan adil dan tidak lagi timbul perasaan irihati di antara satu dengan yang lain dan apabila tercapai matlamat seperti ini maka orang-orang Melayu hendaklah bersedia berdiri di atas kaki sendiri dan memasuki lapangan perniagaan bersama-sama dengan orang bukan Melayu dengan tidak payah dibantu oleh Kerajaan lagi. Lebih cepat penyusunan semula masyarakat Malaysia dapat dilaksanakan adalah lebih baik lagi. Jika usaha penyusunan semula masyarakat Malaysia dilambat-lambatkan Malaysia akan menghadapi bahaya. Parti Pembangkang hendaklah sedar kepada hakikat ini.

Parti Pembangkang hanya menyokong di bibir sahaja dalam usaha hendak menyusun semula masyarakat Malaysia kerana didapati mereka sentiasa menentang perlaksanaan dasar Kerajaan yang hendak menyusun semula masyarakat negeri ini. Dan lebih bahaya lagi apabila mereka masih memainkan semangat perkauman. Jika Parti Pembangkang benar-benar jujur bertujuan hendak menyusun semula masyarakat Malaysia mereka hendaklah berani mengutarakan satu susunan ekonomi bagaimana penyusunan semula masyarakat Malaysia dapat diwujudkan mengikut cara-cara mereka sendiri. Jika Parti Pembangkang gagal berbuat demikian, maka nyatalah Partiparti tersebut hanya bercakap semata-mata hendak mencari publisiti murah untuk mendapat sokongan daripada satu kaum sahaja bagi mengekalkan kedudukan mereka di dalam Dewan ini dan politik yang seperti ini adalah merbahaya kepada negara ini. Saya berharap dengan penerangan yang diutarakan oleh buku Mid-Term Review itu maka tidak ada lagi rakyat negeri ini yang dapat dikelirukan oleh mana-mana jugapun dan kita berharap juga bahawa rakyat sedar di atas kesungguhan dan kejujuran Kerajaan Perikatan untuk menyelesaikan masalah Malaysia yang sangat berat iaitu masalah menyusun semula masyarakat Malaysia yang pincang sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa yang saya ingin memberi penjelasan dengan ringkas.

Yang Pertama, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Mukah, Sarawak.

Mengapa penilaian-nilai tanah yang dibuat oleh MARA bagi pinjaman-pinjaman MARA sangat rendah?

Untuk membuat penilaian tanah ini, biasanya Pegawai MARA Daerah, bertemu dengan Pegawai di Jabatan Land and Survey untuk berbincang berkenaan penilaian tanah ini. Nilai tanah yang diambil oleh MARA adalah penilaian yang dibuat oleh Kerajaan dan bukannya atas harga pasaran. Pinjaman yang diberi ialah kebiasaannya 80% atas harga penilaian tanah yang dibuat oleh Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara membangkitkan masaalah didapati kononnya dasar pinjaman MARA adalah terlalu ketat dan sukar bagi pemohon-pemohon mendapat pinjaman MARA. Beliau merayu agar MARA menimbang melonggarkan syarat-syarat pinjaman ini. Untuk menjawab soalan itu saya suka menyebutkan pertimbangan bagi meluluskan sesuatu permohonan pinjaman itu bergantung kepada beberapa faktor, iaitu yang mustahak sekali ialah atas baiknya daya kemajuan (viability) tiap-tiap projek yang hendak dijalankan oleh seseorang pengusaha. Jika sekiranya didapati ada tanda-tanda yang menunjukkan projek berkenaan tidak akan mencapai kemajuan dengan sepenuhnya atau ada kemungkinan yang projek berkenaan akan menemui kegagalan, maka pihak MARA kerap kali tidak dapat meluluskan pinjaman yang seumpama itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya sebutkan di sini syarat-syarat cagaran atau jaminan yang digunakan:

- (a) Bagi projek yang "viable" (iaitu ada kemungkinan akan berjaya) dan tidak ada risiko (iaitu kemungkinan akan gagal), pinjaman diberi berdasarkan kepada kira-kira perdagangan yang baik.
- (b) Pinjaman untuk kontrek boleh diberi dengan cara mencagarkan kontrek kepada MARA.
- (c) Pinjaman untuk membeli barang-barang yang berharga seperti mesin, jentera dan sebagainya boleh diberi dengan cara mencagarkan barang-barang itu kepada MARA (Bill of Sale). Pinjaman yang dikeluarkan di bawah rancangan ini biasanya tidaklah lebih daripada 80% nilai harga barang itu.

(d) Jika projek itu didapati menguntungkan tetapi mengandungi risiko atau tanda yang menunjukkan projek itu mungkin gagal dari berbagai-bagai aspek seperti keadaan perniagaan, kemampuan pemohon menjalankan perniagaan dan sebagainya, cagaran tanah dan lain-lain harta kekal perlu diadakan. Biasanya pinjaman yang diberi tidaklah lebih dari 80% nilai tanah atau harta kekal itu.

(e) Saham-saham daripada Amanah Saham MARA Berhad dan Syarikat-syarikat Awam yang diistiharkan dalam Stock Exchange boleh juga diterima sebagai cagaran.

(f) Jika sekalipun sesuatu pinjaman itu tidak dikenakan cagaran tanah tiap-tiap pinjaman itu mesti mempunyai sekurang-kurangnya dua penjamin yang layak dan sesuai.

Pada keseluruhannya, syarat-syarat yang dikehendaki itu adalah yang sehabis kendur sekali yang biasa dikenakan oleh MARA, ataupun lain-lain badan peminjam yang di tanahair kita. Walau bagaimanapun, syarat-syarat ini boleh lagi dikendurkan berdasarkan kepada "viability" projek yang akan dijalankan itu.

Sebagai contohnya, Yang Berhormat sendiri telah diberi suatu pinjaman, dengan dijamin oleh dua orang penjamin.

Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Selangor menyentuh apakah peranan Lembaga Pertubuhan Peladang untuk mengatasi masaalah pemasaran hasil-hasil pertanian. Pemasaran hasil-hasil pertanian adalah satu perkara kompleks. Lembaga sedang berusaha sepenuhnya untuk mendapatkan "Marketing Outlets" untuk ahli-ahlinya dengan cara mengadakan perundingan dan kerjasama yang rapat dengan FAMA dan ajensi-ajensi yang lain.

Langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (1) Untuk mengadakan pengangkutan bagi hasil-hasil pertanian.
- (2) Membeli hasil-hasil pertanian daripada ahli-ahli LPP dengan harga "competitive".

- (3) Mengkaji "Outlet" pemasaran untuk ahli-ahlinya.
- (4) Untuk mendirikan kilang-kilang memproses hasil-hasil pertanian.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya mohon mencadangkan:

Bahawa Lapuran Yang Kedua Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Penggal Yang Ketiga, yang telah dibentangkan sebagai Risalat No. DR. 4 tahun 1973, diterima.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang Ketiga pada mesyuarat yang diadakan pada 31-10-72 telah membuat keputusan bahawa sebuah Jawatankuasa Kecil mengandungi tiga orang Ahli dilantik untuk meneliti dan mengkaji Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang ada sekarang supaya sesuai dengan keadaan masa sekarang. Jawatankuasa Kecil itu terdiri daripada Yang Berhormat Tan Sri Haji Nik Ahmed Kamil sebagai Pengerusi, Yang Berhormat Tuan Richard Ho Ung Hun dan Yang Berhormat Tuan Lim Cho Hock. Pada 22-3-73 Jawatankuasa tersebut telah mengedarkan surat meminta syor atau pandangan-pandangan daripada ahli-ahli Dewan Rakyat berkenaan dengan Peraturan-peraturan mesyuarat yang patut dikaji oleh Jawatankuasa Kecil itu.

Jawatankuasa Kecil telah mengadakan beberapa perbincangan sebelum mengadakan mesyuarat pada 11-6-73, dalam mana syor-syor dan pandangan-pandangan yang diterima telah dikaji untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat. Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat telah mengadakan dua kali mesyuarat iaitu pada 12 dan kemudian pada 28-11-73 untuk menimbangkan Lapuran Sementara Jawatankuasa Kecil itu dan bersetuju mengemukakan lapuran seperti dalam muka 3 Lapuran DR. 4 tahun 1973 untuk persetujuan Dewan ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat beberapa pindaan dan tambahan telah dicadangkan seperti berikut:

(1) Memasukkan Peraturan Mesyuarat baharu iaitu 35 (8) mengenai kuasa Tuan Yang di-Pertua menetapkan masa dalam mana seseorang itu boleh bercakap. Pada masa sekarang ini tidak ada kuasa diberi kepada Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun "reserved power" telahpun dijalankan untuk menjimatkan masa dalam mesyuarat Dewan ini. Sistem ini telahpun berjalan dengan persetujuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam beberapa tahun yang lepas, jadi tidaklah susah bagi kita untuk membincang kuasa daripada Yang di-Pertua untuk menentukan masa untuk seseorang itu bercakap.

(2) Menggantikan Peraturan-peraturan Mesyuarat 54 dan 55 dengan peraturan mesyuarat baharu. Ini membolehkan sebuah Rang Undang-undang dirujuk kepada sebuah Select Committee sebelum pembacaan kali yang kedua, kalau dibandingkan dengan peraturan-peraturan yang lama yang hanya memberi kuasa merujukkan sebuah Rang Undang-undang itu selepas dibaca kali kedua. Dengan cara ini juga sesebuah Select Committee diberi kuasa untuk mengkaji dasar-dasar (principles) sesebuah Rang Undang-undang itu dan bukan hanya butir-butir sahaja.

(3) Memasukkan Peraturan Mesyuarat baharu 65A dan memotong Peraturan Mesyuarat 67A. Ini adalah untuk membuat aturan logikal supaya peruntukan untuk membentangkan Development Estimates diletakkan selepas peruntukan membentangkan Supply Bill.

(4) Memotong Peraturan-peraturan Mesyuarat 66 dan 67B dan digantikan dengan Peraturan-peraturan Mesyuarat baharu.

(5) Memotong Peraturan-peraturan Mesyuarat 67 dan 67C dan memasukkan Peraturan Mesyuarat baharu 67.

Kedua-dua pindaan ini adalah bertujuan untuk memberi satu cara meluluskan Supply Bill dan Development Estimates supaya dapat dijalankan serentak seperti berlaku pada Session yang awal pada tahun ini.

(6) Memasukkan Peraturan Mesyuarat 83 (6A) yang baharu ini dengan tujuan hendak memberikan masa kepada sebuah Select Committee supaya dapat berpanjangan untuk menghabiskan tugas yang diberi kepadanya, walaupun tidak ada peruntukan apa-apa dalam surat lantikan sebuah Select Committee itu menyatakan tempoh perlantikan.

(7) Memasukkan tafsiran dalam Peraturan Mesyuarat 98 iaitu "ahli Kerajaan" hendaklah difahamkan sebagai termasuk Menteri-menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum semua keterangan berkenaan dengan pindaan yang tersebut telahpun dinyatakan dengan jelasnya di dalam Laporan Yang Kedua Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat. Dengan adanya pindaan-pindaan yang disyorkan ini adalah diharapkan urusan mesyuarat Dewan Rakyat akan dapat dijalankan dengan lebih sempurna lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.18 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, firstly, I would like to express regret, on behalf of the Opposition parties on this side of the House, that the joint proposals that were submitted by the D.A.P., the SNAP and the PEKEMAS Members of Parliament to the Standing Orders Sub-Committee to

consider amendments to the Standing Orders, have been rejected *in toto* and that out of our seven proposed amendments not a single one has been accepted. I see from the Report, page 55, that in the Minutes of the Standing Orders Committee meeting held on the 12th of November, 1973, the last paragraph, it is stated:

"The Honourable Tuan Lim Cho Hock spoke in support of the proposals for amendment of Standing Orders put forward by the combined Members of Parliament from DAP, SNAP and PEKEMAS as in Appendix "B" of the Interim Report but the Committee felt that such amendments were not necessary."

I submit, Mr Speaker, Sir, that the seven proposed amendments are very necessary if we are to allow Members of Parliament to have more time to express the views of the people, especially of the electors who sent us to this august Chamber. If Members of Parliament are not given the fullest liberty to represent in this House the hopes and the aspirations of the people, then I think that Parliament is failing in its duty. In this connection, I want to refer, for instance, to Proposal No. 6 which we in the Opposition had suggested on Government Motions, namely, that "No Government Motion shall be moved unless two days notice of the same has been given to members. 24 hours prior notice of motion to extend the time of sitting shall be given to members."

We suggested this so that no Member of Parliament, whether it is on the side of the Government or on the side of the Opposition will be sprung with the frequent surprises of motions put before the House without at least 24 hours notice. The present motion that we are debating is a case in point; the present motion that has been put before the House to consider and to approve the Report of the Standing Orders Committee has not been given 24 hours notice and many Members of Parliament are not aware that this motion is coming up today. So, in order to allow Members of Parliament to have ample time to consider Government motions, I think this proposed amendment is very necessary and relevant.

With regard to the second proposal that the Opposition suggested that the time for debates for the Budget on the Second

Reading should be extended to 17 days and Committee Stage to 21 days and that in the case of the Royal Address 7 days should be allowed for Members excluding days for Ministerial replies, this is also to ensure that Members of Parliament on both sides will have ample time to speak up. As has been the position up to now, with the limited number of days given for a debate, not enough time has been allocated to all Members who wanted to speak. A good case in point again is the debate on the Mid-Term Review. Many more Members, I think on both sides, wanted to speak, but because only five days were allocated, not all were able to do so. In such cases if the Government can extend further the number of days, I think it will be more fruitful and more useful in terms of progress for the interest of the people and the country.

With regard to oral questions, we have suggested that the limit of 20 oral questions per meeting should be removed because this will again allow Members of Parliament to be freer to have more opportunity to put to the various Ministers questions of pressing interest to the people. For instance, in this Parliamentary Session, the present meeting runs into 32 days and a limit of 20 oral questions per meeting will mean that it won't work out to even one question per day.

It is unfortunate therefore that all these proposals by the Opposition in Parliament have not been accepted at all and I wonder whether the Minister concerned will be able to give a fuller explanation and whether it is possible for the matter to be referred back to the Standing Orders Committee to allow a fuller consideration of the Opposition proposals.

5.21 ptg.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin hendak menjawab dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, as I was sitting taking notes, I noted that the Honourable Member has been quite well prepared in his argument and knows which points to take up with regard to the present motion. I suggest that the Honourable Member was not taken by surprise at all with the present motion, and I do not

think it can be said that the Government has sprung on the Opposition the present motion. It is quite standard practice, as the Honourable Member knows, that the Government has always been given the privilege of introducing an urgent motion. As the Honourable Member is already aware, of course, it is on very few occasions that we do raise an urgent motion without much notification to this House and if we do use this kind of privilege, it is on a very big issue.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan. Will the Honourable Minister consider the present motion as a very urgent one?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Well, it is not in a way urgent, but judging by the Honourable Member's reaction, he is very well briefed. Either his colleague from his party has not briefed him at all and he should be caught by surprise, or he has been briefed and therefore has been half expecting that this particular motion will come up. There has been no doubt about it, that this particular motion would come up any time during this session, Mr Speaker, Sir, and I would not take bones on the suddenness of the appearance of this motion as an example that the Government would abuse its power.

I don't think the Honourable Member will find many countries practising Parliamentary democracy which have made provisions of giving two days' notice for any Government motion to be put up. As we have seen, most of the business of the Government has been notified quite early to the Honourable Members. I appreciate there are difficulties about printing which necessitates some late distribution of Bills. But, generally speaking, I don't think we can say that Honourable Members have been sprung with quite a lot of important matters during any meeting of Parliament. Any system which tries to be rigid and which doesn't give discretion to any Government may be ideal in the view of an Opposition, as long as the Opposition remains an Opposition. But when the Opposition, as probably history will prove in the very far future, becomes the Government, they will appreciate the flexibility of handling Government business, and probably proposal such as Proposal No. 6 of the joint D.A.P. SNAP and PEKEMAS would be found quite cumbersome.

With regard to the criticism of the Honourable Members on the rejection of Proposal No. 2 by the D.A.P., SNAP and PEKEMAS, I don't think he should be very disheartened. If he were to compare the old provisions of the Standing Orders which provides only for five days for the Second Reading of the Supply Bill, he would see at least some improvement. As a result of his representation to the Committee through his representative, the period has been raised to 11 days. Mr Speaker, it is too early for us to say whether eleven days is the right figure or seventeen days is the right figure. The Chairman of the Sub-Committee has had quite a substantial experience in handling the business of Parliament and his advice seems to indicate that eleven days would quite adequately cater for the needs of Honourable Members. Let us, therefore, try the workings of the present Standing Orders with the present period and see how we are getting along because it is only through experience that we would be able to find out what is the right number of period. As of now, I am very confident that eleven days would be the kind of days that is needed in this Parliamentary Session for the Budget.

There was quite a steep opposition to the limitation of the number of questions through the joint representation of the three parties. The question here is not the question of restricting or muzzling the Members of the Opposition, because I think the Honourable Members from the other side of the House will probably admit, if they were to speak from their heart, that they have not been restricted in speaking in Parliament or in asking questions. Where the difficulty comes is really whether the question would be replied. The more questions are put in, the more likely are questions not going to be replied, for the simple reason that time being limited, the bigger the number of questions, the less chance would there be for Honourable Members to have their own questions answered. The question is purely a question of distribution, Mr Speaker. If we have too many questions, then concentration on the questions of a small number of Members will be the result, whereas if you have a smaller number of questions, say limited to twenty, then there is a greater chance that questions from most Honourable Members, if not all Honourable Members, will come up for answer in Parliament.

There does not seem to be very much criticism on the other points. So I do not want to reply. I suppose the comments written in the Report DR. 4/1973 will suffice to convince the Honourable Member why the joint representation from D.A.P., SNAP and PEKEMAS was rejected.

Mr Speaker, Sir, I would like to appeal to the Honourable Member to let us work with the present Standing Orders and we will find that it will not be against the interest of the Opposition at all. Thank you.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Lapuran Yang Kedua Jawatan-kuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Penggal Yang Ketiga, yang telah dibentangkan sebagai Risalah No. DR. 4 tahun 1973, diterima.

AKTA CUKAI PENDAPATAN, 1967

WORLD WILDLIFE FUND, MALAYSIA

5.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan, 1967, Bahagian II Jadual 6 kepada Akta itu dipinda dengan menambahkan kepadanya butiran buru yang berikut:

"The World Wildlife Fund, Malaysia" dan bahawa pengecualian ini hendaklah berkuatkuasa mulai daripada tahun taksiran 1973 dan tahun-tahun yang berikutnya.

Tujuan ketetapan ini ialah untuk mengecualikan Tabung Kehidupan Liar Sedunia, Malaysia daripada cukai pendapatan. Tabung ini adalah satu institusi awam yang dijalankan tanpa keuntungan. Tujuan-tujuannya adalah untuk menggalakkan pemeliharaan, pelajaran dan kajian ke atas kehidupan liar. Dengan bertambahnya kemajuan perindustrian di dalam negeri ini, tidak syak lagi adanya keperluan kajian-kajian yang teratur dibuat untuk menjaga alam sekeliling, kehidupan-kehidupan di dalam air, tanah-tanah dan lain bahan-bahan semula

jadi supaya seimbang kedudukan alam sekitar. Oleh kerana Tabung ini adalah satu institusi bercorak pelajaran, maka adalah dicadangkan bahawa Tabung itu dimasukkan di bawah senarai badan-badan yang terkecuali di dalam Bahagian II Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan, 1967.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan, 1967, Bahagian II Jadual 6 kepada Akta itu dipinda dengan menambahkan kepadanya butiran baru yang berikut:

“World Wildlife Fund, Malaysia” dan bahawa pengecualian ini hendaklah berkuatkuasa mulai daripada tahun taksiran 1973 dan tahun-tahun yang berikutnya.

AKTA CUKAI PENDAPATAN, 1967

SABAH FAMILY PLANNING ASSOCIATION

5.38 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan, 1967, Bahagian II Jadual 6 kepada Akta itu dipinda dengan menambahkan kepadanya butiran baru yang berikut:

“The Sabah Family Planning Association”

dan bahawa pindaan tersebut hendaklah disifatkan berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1968 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Tujuan ketetapan ini ialah untuk mengecualikan Persatuan Perancang Keluarga di Negeri Sabah daripada dikenakan cukai pendapatan. Persekutuan Persatuan-persatuan Perancang Keluarga di Semenanjung Malaysia dan juga Persatuan Perancang Keluarga Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia telah dikecualikan daripada cukai pendapatan dan dimasukkan di bawah senarai badan-badan yang terkecuali di dalam butiran 37, Bahagian II Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan, 1967. Tujuan-tujuan dan kegiatan-kegiatan Persatuan Perancang Keluarga Negeri Sabah adalah sama dengan Persatuan-persatuan Perancang Keluarga yang ada di Semenanjung Malaysia. Dengan itu adalah difikirkan bahawa Persatuan Perancang Keluarga Negeri Sabah patutlah diberi pengecualian cukai pendapatan selaras dengan apa yang telah diberi kepada Persatuan-persatuan Perancang Keluarga di Semenanjung Malaysia, iaitu dengan dimasukkan badan ini ke dalam senarai badan-badan yang terkecuali di bawah Bahagian II jadual 6 Akta Cukai Pendapaian, 1967. Adalah dicadangkan juga supaya pindaan ini akan mula berkuatkuasa pada tahun taksiran 1968.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan, 1967, Bahagian II Jadual 6 kepada Akta itu dipinda dengan menambahkan kepadanya butiran baru yang berikut:

“The Sabah Family Planning Association”

dan bahawa pindaan tersebut hendaklah disifatkan berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1968 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PINDAAN) (No. 14), 1973

5.40 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 71 tahun 1973 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk membuat pindaan kepada perihalan-perihalan berikut:

- (i) Perihalan yang terdapat pada bilangan tarif 73.13 430 yang diwartakan pada 28hb Jun, 1973 iaitu dengan menggantikan perkataan-perkataan "Ukuran tebal lebih daripada 1.5mm tetapi tidak kurang daripada 3mm" dengan perkataan-perkataan "ukuran tebal lebih daripada 1.5mm tetapi kurang daripada 3mm";
- (ii) Perihalan yang terdapat pada bilangan-bilangan tarif 85.19 220 dan 85.19 320 yang juga diwartakan pada 28hb Jun, 1973. Pindaan ini ialah dengan menggantikan perkataan-perkataan "daripada 10 amps atau lebih tetapi tidak lebih daripada 60 amps" dengan perkataan-perkataan "daripada 10 amps atau lebih tetapi kurang daripada 60 amps" dan perkataan-perkataan "daripada 10 amps atau lebih tetapi tidak lebih daripada 30 amps" dengan perkataan-perkataan "daripada 10 amps atau lebih tetapi kurang daripada 30 amps".

Pindaan-pindaan yang disebutkan ini tidak melibatkan apa-apa kenaikan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi

kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 71 tahun 1973 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PINDAAN) (No. 15), 1973

5.43 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 72 tahun 1973 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk mengemukakan No. tarif 39.03 300 bagi "regenerated cellulose sheets" jenis bercetak atau printed dan No. tarif 39.03 310 bagi jenis yang tidak bercetak (plain). Ianya juga bertujuan untuk mengenakan cukai impot sebanyak 25% atau 50 sen satu lb. yang mana lebih tinggi ke atas "regenerated cellulose sheets" jenis bercetak yang kini dikeluarkan oleh pengusaha kita. Ini adalah satu langkah perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuhnya usul ini, tetapi cuma ada sedikit perkara sahaja untuk memberi peringatan, iaitu dengan adanya tarif 25% yang dikenakan ini, saya bimbang pengeluar-pengeluar daripada kilang akan pada satu masa nanti oleh kerana ada tarif begini maka mereka ini akan menaikkan harga barang-barang ini. Dengan sebab itu, saya harap Kementerian tersebut menjaga supaya barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang ini atau perusahaan ini tidak dinaikkan.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengambil perhatian mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 72 tahun 1973 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PINDAAN) (No. 16), 1973

5.48 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 73 tahun 1973 disahkan.

Pada masa ini kadar cukai impot yang dikenakan ke atas kunci mangga (locks and padlocks) ialah 40% atau \$1 tiap-tiap satu yang mana lebih tinggi. Cukai ini ialah cukai perlindungan. Adalah didapati perusahaan tempatan hanya mengeluarkan kunci dan kunci mangga jenis murah sahaja dan dirasai bahawa cukai spesifik sebanyak \$1 bagi tiap-tiap satu adalah memadai untuk memberikan perlindungan. Pengenaan cukai impot *ad valorem* sebanyak 40% itu telah menyebabkan harga jualan kunci dan kunci mangga jenis mahal menjadi terlalu tinggi. Maka adalah tujuan Perintah ini untuk membatalkan cukai impot *ad valorem* sebanyak 40% itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 73 tahun 1973 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PINDAAN) (No. 17), 1973

5.50 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 74 tahun 1973 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk mengenakan cukai impot sebanyak 30% atau \$30 tiap-tiap satu, yang mana lebih tinggi, ke atas pemadam api jenis "portable". Ini adalah suatu langkah perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan yang kini ada mengeluarkan pemadam api jenis yang disebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti kastam (Pindaan) (No. 17), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas undang-undang No. ST. 74 tahun 1973 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PINDAAN) (No. 18), 1973

5.52 *ptg.*

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 75 tahun 1973 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk meminda cukai impot yang telah dikenakan ke atas kelambu (mosquito nets) yang jatuh di bawah nombor-nombor tarif 62.02 201 dan 62.02 209 daripada kadar "25% *ad valorem* atau \$2.50 tiap-tiap satu yang mana lebih tinggi," kepada kadar \$2.50 tiap-tiap atau kelambu yang berukuran 13 ela persegi atau kurang dan bagi tambahan tiap-tiap 13 ela persegi atau sebahagian daripadanya cukai tambahan sebanyak \$2.50." Pada masa ini cukai impot ke atas kelambu tidak terhad kepada ukuran luasnya dan ini telah membolehkan kelambu-kelambu yang luasnya dua kali ganda atau lebih diimpot dengan hanya dibayar cukai sebagai sebuah kelambu sahaja. Ini telah mengancam perusahaan kelambu tempatan. Dengan pindaan cukai impot ini, maka dapatlah perlindungan yang lebih berkesan diberikan kepada perusahaan di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.54 *ptg.*

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian untuk berbahas dalam perkara ini oleh kerana kelambu adalah satu perkara yang penting sekali untuk orang-orang di luar bandar. Jikalau tidak ada kelambu maka nyamuk akan memakan mereka dan penyakit malaria ataupun penyakit denggi akan mengingapi mereka yang duduk di luar bandar. Saya takut jikalau sekiranya 25% tarif dibebankan kepada mereka dan kilang-kilang yang membuat kelambu di

negeri kita ini, nanti oleh kerana ada tarif ini mereka juga, macam saya kata tadi, maka mereka akan meninggikan harga kelambu-kelambu dan ini bukan menyenangkan kepada orang-orang kampung tersebut tetapi menyusahkan mereka. Dengan sebab itu, Kementerian yang bertanggungjawab hendaklah menengok di atas perkara ini.

5.55 *ptg.*

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sebenarnya bukanlah merupakan satu cukai yang baru. Seperti yang saya sebutkan tadi, pada masa-masa yang lalu tidak disebutkan berapa panjangnya kelambu yang boleh dibawa masuk dan ini pun diletakkan di bawah satu tanda tarif sahaja. Tetapi dengan adanya hal yang demikian terdapatlah masalah pelarian cukai. Dan untuk mengelakkan daripada perkara ini berlaku, maka disebutkan di sini bahawa bagi kelambu yang berukuran 13 ela persegi cukainya sekian, yang lebih besar daripada itu ditambah dengan \$2.50 tarifnya. Tetapi walau macammanapun, pandangan Ahli Yang Berhormat itu akan kita ambil perhatian.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 75 tahun 1973 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PINDAAN) (No. 19), 1973

5.56 *ptg.*

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 76 tahun 1973 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk membatalkan cukai impot sebanyak 35% yang telah dikenakan ke atas barang-barang permainan dan anak patung yang terjatuh di bawah No. Kepala 97.02 dan 7.03. Cukai Impot ini telah dikenakan empat tahun yang lalu sebagai suatu cukai perlindungan galakan (promotional tariff duty) untuk menggalak pengusaha-pengusaha barang-barang permainan dan anak patung supaya mendirikan perusahaan mereka di negeri ini. Tetapi setakat ini adalah didapati bahawa cukai yang dikenakan itu telah tidak berjaya menarik perusahaan yang berkenaan dan sebaliknya telah merupakan suatu beban kepada pembeli-pembeli barang-barang permainan dan anak patung, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Oleh yang demikian perlulah cukai yang dikenakan itu dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 76 tahun 1973 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PINDAAN) (No. 20), 1973

5.58 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 77 tahun 1973 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk memberikan Nombor Kepala Tarif baru, iaitu 73.21 110 kepada "structures of corrugated sheets" yang berukuran tebal 1.5mm hingga 4.5mm, dan mengenakan cukai impot sebanyak 30% ke atasnya. Ini adalah perlu kerana, semenjak pengenaan cukai impot sebanyak 30% ke atas "structures and parts of structures" dalam bentuk "guardrails", ada pengimpot-pengimpot yang mengimpot "structures of corrugated sheets" yang berukuran tebal 1.5mm hingga 4.5mm dengan mengikrarkannya di bawah Nombor Kepala Tarif yang hanya bercukai impot 15% *ad valorem*. Dengan peruntukan yang dikemukakan ini maka pengelakan yang sah (legal avoidance) daripada bayaran cukai yang seharusnya dapatlah dihindarkan. Ini juga akan memberikan perlindungan yang lebih sempurna kepada perusahaan tempatan yang mengeluarkan barang-barang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 77 tahun 1973 disahkan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PINDAAN) (No. 21), 1973

6.00 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967 Perintah

Duti Kastam (Pindaan) (No. 21), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 78 tahun 1973 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk melanjutkan cukai impot sebanyak \$7.20 satu gelen yang telah dikenakan ke atas racun lalang jenis "organo arsenic compounds in liquid form" saya meliputi "weedkillers and anti-sprouting products in liquid form." Ini adalah untuk menghinder pengimpot "organo arsenic compounds" daripada menjiskannya sebagai "weedkillers and anti-sprouting products in liquid form" dan oleh itu mengelak daripada membayar cukai impot. Dengan lanjutan ini dapatlah perusahaan tempatan diberikan perlindungan yang lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 78 tahun 1973 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PULAU PINANG) (PINDAAN) (No. 6), 1973

6.02 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 79 tahun 1973 diashkan.

Perintah ini ialah untuk memotong nombor-nombor kepala 73.13 100, 73.13 210, 73.13 290, 73.13 390, 73.13 420, 73.13 440, 73.13 480, 73.13 499, 85.19 220, 85.19 290, 85.19 320, 85.19 350, 85.19 390 dan 85.19 490 yang terdapat di Jadual kepada Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang), 1973. Bahan-bahan di bawah nombor-nombor kepala yang tersebut di atas kesemuanya tidak berduti dan tidak sepatutnya dimasukkan ke dalam Jadual yang dirujukannya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 79 tahun 1973 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PULAU PINANG) (PINDAAN) (No. 7), 1973

6.04 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 80 Tahun 1973 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk melanjutkan ke Pulau Pinang, cukai impot sebanyak 15% ke atas benang renda (crochet thread) dan benang sulaman (embroidery thread). Sebagai yang diketahui pengenaan cukai impot ke atas kesemua jenis benang jahitan di bawah No. Kepala besar 55.06 adalah meliputi tanah besar Semenanjung Malaysia

dan Pulau Pinang. Hanya kedua-dua jenis benang yang tersebut di atas yang tidak bercukai impot di Pulau Pinang. Oleh yang demikian untuk memperimbangan pegenaan cukai impot ke atas benang-benang ini di antara Pulau Pinang dan Semenanjung Malaysia dan juga untuk menyenangkan pentadbiran dan kawalan Kastam perlulah cukai impot yang berkenaan itu dilanjutkan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan itu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7) 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 80 Tahun 1973 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PULAU PINANG) (PINDAAN) (No. 8), 1973

6.06 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 81 tahun 1973 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1973 yang telah pun diluluskan oleh Majlis ini tadi, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 81 tahun 1973 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PULAU PINANG) (PINDAAN) (No. 9), 1973

6.08 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 82 tahun 1973 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1973 yang telah diluluskan oleh Majlis ini tadi, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 82 tahun 1973 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PULAU PINANG) (PINDAAN) (No. 10), 1973

6.10 *ptg.*

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 10) 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 83 tahun 1973 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19) 1973 yang telah diluluskan oleh Majlis ini tadi, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 10), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 83 tahun 1973 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PULAU PINANG) (PINDAAN) (No. 11), 1973

6.12 *ptg.*

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 11), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 84 tahun 1973 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah serupa dengan tujuan-tujuan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20), 1973 yang baharu sahaja diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 11), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 84 tahun 1973 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PULAU PINANG) (PINDAAN) (No. 12), 1973

6.14 *ptg.*

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 12), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 85 tahun 1973 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan-tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21) 1973 yang telah diluluskan oleh Majlis ini tadi melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan

kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 12), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 85 tahun 1973 disahkan.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil keputusan iaitu Urusan-urusan yang ada di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditempohkan dan menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Menteri Tugas-tugas Khas (Tuan Michael Chen Wing Sum): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengambil keputusan iaitu Urusan-urusan yang ada di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditempohkan dan menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 3.30 petang esok hari Rabu, 5hb Disember, 1973.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.15 petang.